



SELAMAT HARI RAYA AIDILADHA

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 13 - 19 JUN 2024

www.selangorkini.my

Sultan titah kukuh perpaduan kaum


Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj seru rakyatkekalkan perpaduan, keharmonian dan kestabilan berikutan penduduk berbilang agama, kaum serta etnik selaras identiti Malaysia dan prinsip Islam

MUKA 2

Tidak naik cukai pintu hampir 40 tahun

Pemegang hartaah boleh buat bantahan melalui pihak berkuasa tempatan ikut tempoh yang ditetapkan. Berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), nilaians baharu boleh dibuat setiap lima tahun

MUKA 6



Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj diiringi Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah (kiri) berkenan menerima cek cura disampaikan Pegawai Kewangan Negeri Dato' Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin (kanan) dalam majlis penyerahan tajaan kejohanan Piala Sultan Selangor (TSSC) 2024 di Istana Alam Shah, Klang pada 10 Jun 2024. Hadir sama Pengurus Pasukan TSSC Tan Sri Abd Karim Munisar (dua, kanan). Foto FIKRI YUSOF ► BERITA MUKA 2



4th SELANGOR
AVIATION SHOW 2024

Jumpa anda di sana!

“Sertai **Pameran Penerbangan Selangor** yang ke-4, acara utama di mana pemain industri penerbangan dan aeroangkasa global dan tempatan akan bertemu”

12 - 14 September 2024
Skypark Regional Aviation Centre,
Selangor, Malaysia



Hari raya Aidiladha 17 Jun

SHAH ALAM - Umat Islam di Malaysia menyambut Aidiladha pada 17 Jun, kata Penolong Setiausaha Majlis Raja-Raja Datuk Mohd Aseral Jusman.

Beliau yang menyempurnakan titah perintah Yang di-Pertuan Agong selepas diperkenan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja melalui pengumuman pada 7 Jun mengisyihar 1 Zulhijjah 1445 Hijrah pada 8 Jun.

"Maka saya bagi pihak Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia dengan ini mengisyiharkan bahawa 1 Zulhijjah 1445 Hijrah ialah pada 8 Jun 2024 Masihi."

"Oleh yang demikian, hari raya Korban (10 Zulhijjah) bagi negeri-negeri di seluruh Malaysia ialah pada hari Isnin, 17 Jun 2024 Masihi," katanya seperti dilapor Bernama.

Bantu keluarga pelajar maut

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengarahkan bantuan segera dihulur kepada keluarga dua pelajar yang maut akibat keracunan makanan di sebuah sekolah di Gombak.

Beliau memberitahu Kerajaan Negeri melalui jabatan pendidikan dan jabatan kesihatan (JKNS) sedang menjalankan siasatan terperinci.

"Saya rakamkan takziah kepada keluarga mangsa dan saya telah arahkan agar bantuan diberi kepada keluarga," katanya di Facebook pada 11 Jun.

Pelajar lelaki berusia 17 tahun dan kanak-kanak perempuan berumur dua tahun diperdayai maut akibat keracunan makanan yang dibawa dari sebuah sekolah agama di Gombak.

Remaja tersebut menjamah makanan yang dibawa ibunya dari sekolah tersebut pada 8 Jun manakala mangsa kedua makan juadah yang dibawa bapanya, pengawal keselamatan sekolah itu pada hari sama.

JKNS memaklumkan seramai 82 daripada 247 orang mengalami gejala keracunan makanan selepas memakan hidangan itu.

IMBAS DI SINI
akbar digital minggu lepas

selangor kini Pelaburan negara naik 40 peratus Google melabur RM9.4 bilion



Islam perkukuh perpaduan, identiti

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menyeru umat Islam memahami dan menghayati khutbah Jumaat pada 7 Jun yang menekankan perpaduan dalam kepelbagaian agama dan kaum.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj juga mengingatkan tanggungjawab umat Islam untuk memastikan perpaduan, keharmonian dan kestabilan negara terus kukuh berdasarkan prinsip agama.

"Ke arah itu, umat Islam hendaklah berjemaah dalam melaksanakan ibadah kepada Allah SWT agar dapat melahirkan perpaduan dan persepaduan berlandaskan Islam dan iman yang satu.

"Malaysia adalah negara yang sangat unik kerana dihuni penduduk pelbagai agama, bangsa dan etnik. Islam agama bagi persekutuan, namun penduduknya bebas mengamalkan kepercayaan masing-masing.

"Kebebasan ini membentuk perpaduan nasional yang kukuh antara kaum dan pembentukan identiti bangsa Malaysia," menurut kenyataan di Facebook Selangor Royal Office.

Baginda bertitah Islam sebagai cara hidup yang syumul menyediakan pedoman lengkap berkaitan hukum, undang-undang, peradaban dan tatasusila umat Islam bersama bukan Islam.

Tegas Baginda, prinsip utama adalah melayani semua sama rata melainkan beberapa aspek, malah ia bertepatan sabda Rasulullah SAW dalam riwayat daripada Safwan bin Sulaim Radhiallahu anhu.

"Islam secara umumnya memandu manusia dalam kehidupan. Berpandukan kepada ajaran agama, manusia dapat mengetahui yang mana benar dan mana yang salah.

"Islam mengandungi prinsip yang tetap lagi tegas seperti yang dalam surah al-Kafirun ayat 6, yang bermakna: 'bagi kamu agama kamu dan bagi kamu agamaku,' menurut kenyataan itu.

Tiket serendah RM10

RM1.8 juta taja Piala Sultan Selangor

Oleh **SHEEDA FATHIL**

KLANG - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menerima tajaan kira-kira RM1.8 juta sempena Piala Sultan Selangor (TSSC) 2024 yang diadakan berlangsung di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 17 Ogos.

Kerajaan Negeri yang diwakili Pegawai Kewangan Dato' Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin menyerahkan tajaan bernilai RM1 juta kepada Baginda yang diiringi Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah

di Istana Alam Shah di sini.

Penganjur TSSC turut menerima tajaan tujuh anak syarikat Kerajaan Negeri antaranya Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) berjumlah RM200,000.

Permodalan Negeri Selangor Berhad, Worldwide Holdings Berhad dan KDEB Waste Management masing-masing menyumbang RM100,000.

Kumpulan Semesta Sdn Bhd, Syarikat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd dan Syarikat Koridor Utiliti Selangor masing-masing menaja RM50,000.

Syarikat pembinaan dan pembangunan hartanah Kumpulan Tanjung

Balai menaja sebuah kereta Honda City sebagai hadiah cabutan bertuah besar untuk tahun ketiga berturut-turut.

Pengerusi dan Pengurus Pasukan TSSC Tan Sri Abd Karim Munisar dalam sembah ucapan turut berterima kasih kepada semua penaja.

"Sungguhpun keadaan ekonomi lebih baik berbanding ketika pandemik Covid-19 namun kelembapan ekonomi masih terasa dan usaha untuk merancakkan TSSC 2024 agak mencabar. Keadaan ini menyebabkan beberapa syarikat korporat terpaksa menarik diri sebagai penaja," katanya.

Lebih 30,000 peniaga daftar PLATS

SHAH ALAM - Seramai 30,781 peniaga berdaftar dengan Platform Selangor (PLATS) setakat 31 Mei untuk mengembangkan perniagaan seterusnya memperluas capaian pasaran.

Dato' Menteri Besar memberitahu program yang diperkenal pada 2020 berhasil memberi manfaat kepada puluhan ribu usahawan terutama kategori perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

"PLATS menjadi respon segera ketika kita berdepan Perintah Kawalan Pergerakan yang membuatkan peniaga terutama PMKS terkesan kini berhasil membantu kelangsungan usahawan kategori ini.

"Dengan (berdaftar) dalam program seperti ini akan memberi peluang kepada negeri untuk merencana dan merentas usaha pemerkasaan penaja.

"Kita mahu perkasa penaja bukan dengan langkah populis. Kita perkenal dan besarkan perniagaan mereka," kata Dato' Seri Amirudin Shari ketika melancarkan logo PLATS Biaya di sini pada 5 Jun.

Beliau menjelaskan pentadbirannya melihat secara keseluruhan aspek pemerkasaan usahawan bagi memastikan mereka terus berdaya saing termasuk mendepani ekonomi digital.

Jambatan baharu siap Jun 2026

SHAH ALAM - Projek jambatan baharu yang menghubungkan Sungai Air Tawar di Sabak Bernam ke Hutan Melintang, Perak dijadual siap pada Jun 2026, kata EXCO kemajuan desa.

Datuk Rizam Ismail menjelaskan pembinaan sepanjang 2.8 kilometer yang menelan kos RM219 juta kini mencapai tahap 28 peratus sejak dilaksanakan pada tahun lalu.

"Saya berkesempatan melawat dan melihat sendiri kemajuan serta memantau projek pembinaan Jambatan Sungai Air Tawar ke Hutan Melintang pada 4 Jun lalu.

"Saya diberi penerangan perjalanan projek oleh wakil Jabatan Kerja Raya dan pemaju Meranti Budiman Sdn Bhd. Setakat hari ini, prestasi projek melepas 28 peratus kemajuan," katanya.

Rizam turut membangkitkan isu se-tempat berkait keselamatan penduduk sepanjang proses binaan tersebut selain meminta pemaju menyediakan peluang pekerjaan kepada anak tempatan.

"Semoga pembinaan ini siap mengikut waktu yang ditetapkan seterusnya memberi kemudahan dan kelebihan sosioekonomi kepada DUN Sungai Air Tawar," katanya.



LUNCUR... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (tengah) bersama EXCO Keusahawanan Najwan Halimi (dua, kanan), Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Saipolyazan M Yusop (dua, kiri), Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Hijrah Selangor Dato' Mearia Hamzah (kiri) dan Ketua Tanggungjawab Sosial dan Komunikasi Korporat MBI Ahmad Azri Zainal Nor memegang plakat ketika melancarkan logo PLATS Biaya di bangunan pentadbiran negeri, Shah Alam pada 5 Jun. Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Tapir Malaya ikon alam sekitar

Pelihara generasi hidupan liar

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

HULU SELANGOR - Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor berkenan melancarkan Ikon Alam Sekitar Negeri iaitu Tapir Malaya di Pusat Konservasi Tapir Sungai Dusun di sini.

Tengku Amir Shah juga berkenan menyempurnakan perasmian pada 8 Jun selain menanam pokok Rambutan Pacat, melepas Burung Kuang Raya dan melawat kandang haiwan ikon tersebut.

Larangan lepas ikan spesies asing

HULU LANGAT - Enakmen melarang pelepasan ikan asing bakal dikuat kuasa pada tahun ini sebagai langkah memlihara sungai dan spesies tempatan, kata EXCO Pertanian Ir Izham Hashim.

Beliau berkata undang-undang itu melibatkan pembuangan ikan antaranya jenis bandaraya, baung ekor merah dan keli afrika yang dikategori sebagai pemangsa sekali gus mengancam habitat.

Katanya, kajian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dua tahun lalu mendapati ikan bandaraya menebuk

Menurut EXCO alam sekitar, pemilihan Tapir Malaya yang dilahirkan di situ pada 12 Februari dan dinamai Bumi menjadi simbolik generasi hidupan liar yang dilindungi dan disayangi.

"Bumi anak tapir pertama lahir pada tahun ini. Bumi akan menjadi wajah utama dalam kempen, program dan siri pendidikan berkaitan kesedaran alam sekitar," kata Jamaliah Jamalluddin.

Pelancaran tersebut dihadiri Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor Raja Dato' Muzaffar Raja Redzwa, EXCO

tebing untuk bertelur yang boleh menyebabkannya runtuh manakala sungai jadi cetek.

"Isu perlu diatasi segera bagi melindungi sumber protein negeri. Cadaan enakmen dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan berada dalam fasa akhir," katanya.

Beliau berucap ketika merasmikan program Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat: Memburu Ikan Bersama Komuniti di Denai Sungai Kebangsaan berhampiran UKM pada 9 Jun.

Lebih 700 kilogram ikan bandaraya

Pelancongan Dato' Ng Suee Lim dan wakil rakyat Kuala Kubu Baharu Pang Sock Tao.

Jamaliah menjelaskan tapir memainkan peranan penting dalam ekosistem untuk memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat supaya berusaha memelihara spesies haiwan tersebut dan alam sekitar.

"Ia spesies unik dan melambangkan kekayaan kepada sumber biodiversiti di negeri ini," katanya sambil menambah ada lapan tapir dijaga Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara di situ.

ditangkap 116 pemburu mulai jam 7 hingga 11 pagi dalam program tersebut.

Ir Izham memberitahu pihaknya bekerjasama dengan Jabatan Perikanan termasuk menyulur insentif kepada pihak yang menangkap ikan asing bagi membantu usaha menjaga populasi ikan lain.

"Ikan yang ditangkap diproses menjadi makanan ikan lain. Jadi, kita juga akan sumbang mesin untuk kerja pemprosesan," katanya yang melepas 10,000 benih ikan lampam ke sungai berkenaan.

Saran KPKT sedia dana, geran senggara

SHAH ALAM - Badan pengurusan bersama (JMB) dan perbadanan bersama (MC) kediaman strata perlu diberi dana atau geran tinggi supaya mampu menyelenggara kemudahan asas penduduk.

EXCO Perumahan Borhan Aman Shah berkata menerusi langkah itu, keperluan penduduk antaranya lif, sistem saliran serta infrastruktur lain dapat berfungsi lebih baik di samping menyediakan latihan berkata kepada pentadbir bangunan.

"Ini antara cadangan yang kita kemukakan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) supaya mereka dapat meneliti semula Akta 757 dengan mengambil kira isu kebaikan ahli JMB, MC.

"Kajian semula ini penting untuk memastikan undang-undang dan peraturan sedia ada terus relevan dan efektif dalam mengurus cabaran baharu," katanya pada 12 Jun.

Tawar 3,000 unit rumah Smart Sewa

SHAH ALAM - Lebih 3,000 unit Rumah Selangorku bawah Skim Smart Sewa akan disediakan bagi membantu pasangan muda yang baharu berkahwin menjelang 2026.

EXCO perumahan berkata inisiatif berkenaan merupakan strategi pentadbiran negeri bagi dalam memastikan rakyat negeri ini mampu memiliki kediaman sendiri.

"Menerusi skim ini, pasangan baharu mendirikan rumah tangga boleh menyewa selama lima tahun dengan harga berpatutan. Ini bantu mereka memulakan hidup baharu."

"Selepas tempoh itu, 30 peratus duit bayaran sewa mereka akan diguna sebagai deposit untuk belian Rumah Idaman atau Rumah Harapan," kata Borhan Aman Shah pada 12 Jun.

JKNS siasat punca keracunan makanan

SHAH ALAM - Bihun goreng dan telur mata yang dibekal pengendali luar disyaki punca keracunan makanan di sebuah sekolah agama di Gombak hingga mengakibatkan kematian dua pelajar.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) memberitahu sampel makanan telah dihantar ke Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan di Sungai Buloh bagi memastikan punca sebenar.

Dr Ummi Kalthom Shamsudin menjelaskan 247 individu terdedah kepada makanan itu tetapi hanya 82 orang mengalami gejala antaranya cirit-birit, sakit perut, demam, muntah dan loya.

Katanya, JKNS giat menyiasat bagi mengesan kes baharu kejadian yang berlaku dalam program Kemahiran Amal Islami peringkat daerah melibatkan 30 sekolah rendah pada 8 Jun.

Rumpun Selangor Petaling 19-21 Jun

SABAK BERNAM - Program Gagasan Rumpun Selangor edisi keempat diteruskan ke daerah Petaling pada 19 hingga 21 Jun, kata EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail.

Menjelaskan acara itu menampilk kelainan bagi memenuhi keperluan penduduk bandar, beliau berkata Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah mencemar duli untuk bertemu rakyat.

"Pengisian program berdasarkan kebudayaan selain reruai disediakan untuk berkongsi maklumat termasuk bantuan dan peluang kerja," katanya dalam program Minggu Perpaduan 2024 peringkat negeri di sini pada 9 Jun.

Setakat ini, program sama telah berlangsung di Hulu Selangor, Hulu Langat dan Sepang. Sebanyak RM4.5 juta diperlukan dalam belanjawan tahun ini bagi menjayakan program berkenaan.

Selangor jadi pusat industri kreatif

PETALING JAYA - Peruntukan disediakan setiap tahun untuk menganjurkan program seni dan budaya seiring hasrat meningkat Selangor sebagai pusat industri kreatif.

Menurut EXCO pelancongan, agensi seperti Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI dan Tourism Selangor menyokong usaha itu selain mengetengah bakat tempatan.

"Festival Reka Bentuk dan Kraf (Tukang) 2024 anjuran Tourism Selangor antara contoh acara yang bagus untuk memelihara seni dan warisan. Program seperti ini juga menarik pelancong."

"MBI dan Tourism Selangor juga menyokong artis tempatan melalui pembelian dana yang ada untuk menonjolkan bakat seperti Festival Tukang di masa akan datang," kata Dato' Ng Suee Lim.

Menutup festival di TheSpine @ PJKita di sini pada 9 Jun, beliau berkata Kerajaan Negeri juga memperluas program mengasah bakat artis tempatan melalui pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Negeri galakkan anak muda berkait menghubungi PBT melalui bahagian jawatankuasa pelancongan mengikut kawasan masing-masing bentang karya serta produk mereka untuk diteliti. Pelbagai institusi pengajian tinggi juga menyokong bakat seni," katanya.

Usaha pupuk perpaduan anak muda

SABAK BERNAM - Pengajuran Minggu Perpaduan 2024 memupuk semangat harmoni dalam kalangan masyarakat khususnya golongan muda, kata EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail.

Beliau memberitahu kelompok tersebut berpeluang melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan antaranya sukanaka, kebudayaan dan pendidikan sekali gus merapatkan hubungan silaturahim.

"Pasti masyarakat khususnya anak

muda memerlukan program seperti ini. Kita sokong terutama dibuat di luar bandar," katanya semasa merasmikan program itu di Dewan Seri Nakhoda di sini pada 9 Jun.

Menurut timbalan ketua pengarah (pengarah perancangan strategik) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, pengajuran acara di luar bandar memastikan penduduk tidak tercincir.

"Biasanya program seperti ini dijalankan di bandar tetapi kali ini memilih Sabak Bernam kerana ingin menyemarakkan elemen perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang agama dan kaum."

"Sambutan menggalakkan dan akan diteruskan di kawasan bandar dan luar bandar supaya dapat tingkatkan semangat kekitaan," kata Mohd Fardhi Ahmad lagi.

U-PLATS bimbing usahawan

Jualan sayur naik 50 peratus

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SHAH ALAM - Mulanya cuma menjaja di kaki lima, peniaga B Kala Rani kini berupaya mengembang perniagaan sayur-sayuran organik di media sosial sekali gus meningkatkan pendapatan bulanan.

Peserta program Latihan Pembangunan Usahawan Platform Selangor (U-PLATS) berusia 43 tahun itu mengakui kemahiran dalam pendigitalan membantunya hingga meraih tambahan hampir 50 peratus.

Katanya, perniagaan bersama suami N Rajah, 54, di pasar moden Taman Ehsan, Gombak kian dikenali hasil promosi menerusi aplikasi TikTok yang meraih

kira-kira 50,000 tontonan.

"Dulu, saya tidak pernah guna media sosial untuk promosi perniagaan tetapi sekarang dapat tarik pelanggan dari situ. Dulu, pendapatan bersih RM1,200 kini boleh cecah RM2,500 sebulan.

"U-PLATS beri jalan untuk maju perniagaan dan meluaskan pasaran. Mereka ajar cara mahu promosi dan tambah pendapatan selain kaedah kembangkan perniagaan," katanya.

Menyertai U-PLATS pada September tahun lalu, beliau merujuk kemahiran komunikasi, media sosial, keusahawanan, e-dagang dan penciptaan kandungan yang dikutipnya dalam program itu.



Kala Rani yang mula bernaung pada 2021 sekitar Selangor selepas berhenti sebagai guru tadika menjual lebih 15 jenis sayuran dan menawarkan khidmat penghantaran pada setiap Sabtu.

"Kami juga membuat penghantaran sayur setiap Sabtu ke kawasan lain seperti Ampang, Sungai Buloh dan Petaling Jaya selepas perniagaan saya semakin dikenali.

"Peniaga yang mahu kembangkan perniagaan patut serta U-PLATS kerana ia sangat membantu dan berhasil. Jika mahu perubahan, kita perlu berusaha mencari penyelesaian," katanya.

Inisiatif pelihara khazanah alam

HULU SELANGOR - Kerajaan Negeri sentiasa memastikan khazanah dan sumber alam di Selangor terus dipelihara secara mampan, kata EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin.

Beliau memberitahu pelbagai inisiatif dijalankan bagi menangani perubahan iklim termasuk aspek penguatkuasaan, program pemantauan, program pendidikan dan kesedaran alam sekitar.

Menurutnya, inisiatif lain antaranya penubuhan Pusat Adaptasi Perubahan Iklim Selangor, pengekalan kawasan liputan hijau tidak kurang 30 peratus

dan projek penanaman 11 juta pokok.

"Usaha lain adalah pembangunan Dasar Perubahan Iklim Selangor, projek pemasangan panel solar di bangunan Kerajaan Negeri dan program Geran Kecil Alam Sekitar.

"Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan penglibatan jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, korporat dan individu dalam program berteras alam sekitar," katanya pada 8 Jun.

Jamaliah juga memaklumkan Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada pembangunan Pusat Konservasi Tapir

Sungai Dusun sebagai pusat ekopelancongan baharu di negeri ini.

Katanya, pembangunan bawah Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam Selangor 2035 dan Rancangan Tempatan Majlis Daerah Hulu Selangor 2035 bertujuan memacu industri pelancongan.

Beliau berkata Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) menunaikan tanggungjawab sosial korporat (CSR) menaik taraf kemudahan manakala Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor menyumbang makanan.

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
13 Khamis	5:41	5:51	7:03	1:16	4:42	7:25	8:41
14 Jumaat	5:41	5:51	7:04	1:16	4:42	7:25	8:41
15 Sabtu	5:41	5:51	7:04	1:17	4:42	7:26	8:41
16 Ahad	5:41	5:51	7:04	1:17	4:43	7:26	8:42
17 Isnin	5:41	5:51	7:04	1:17	4:43	7:26	8:42
18 Selasa	5:42	5:52	7:04	1:17	4:43	7:26	8:42
19 Rabu	5:42	5:52	7:05	1:17	4:43	7:27	8:42

Klang dan Kuala Langat

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:41	5:51	7:05	1:17	4:42	7:25	8:41
5:42	5:52	7:05	1:17	4:42	7:25	8:41
5:42	5:52	7:05	1:17	4:43	7:26	8:41
5:42	5:52	7:05	1:17	4:43	7:26	8:42
5:42	5:52	7:05	1:18	4:43	7:26	8:42
5:42	5:52	7:06	1:18	4:43	7:26	8:42
5:43	5:53	7:06	1:18	4:44	7:27	8:42
5:43	5:53	7:06	1:18	4:44	7:27	8:42

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:42	5:52	7:05	1:18	4:44	7:28	8:43
5:42	5:52	7:05	1:19	4:44	7:28	8:44
5:42	5:52	7:05	1:19	4:45	7:28	8:44
5:42	5:52	7:05	1:19	4:45	7:28	8:44
5:43	5:53	7:06	1:20	4:45	7:29	8:44
5:43	5:53	7:06	1:20	4:46	7:29	8:45



LUPUS... EXCO Pertanian Ir Izham Hashim (tiga, kiri) bersama peserta program Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat: Memburu Ikan Bersama Komuniti di Denai Sungai Kebangsaan, Hulu Langat pada 9 Jun. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Perkasa industri kreatif

Geran RM60,000 buat penggiat seni

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

PETALING JAYA - Tourism Selangor menyalur geran RM60,000 kepada enam penggiat seni bagi memperkasa hab industri kreatif di negeri ini, kata EXCO Pelancongan Dato' Ng Suee Lim.

Beliau memberitahu mereka dipilih daripada 30 penyertaan yang dihantar pada Disember melalui penghasilan seni dan kraf selaras tema iaitu ekonomi kitaran atau circular economy.



Katanya, pameran tiga hari sempena Festival Reka Bentuk dan Kraf 2024 (Tukang) edisi kedua mulai 7 Jun bertujuan memperkasa bakat seni tempatan selain merancakkan industri pelancongan.

Gembira dengan penglibatan ramai anak muda, beliau percaya keunikan hasil seni yang diketengah artis tempatan mampu menjana ekonomi selain menarik minat pelancong ke Selangor.

"Pelbagai hasil seni dan kraf artis berbakat dipaparkan antaranya Wayang Robot oleh Ahnaf Hakimi dan

Scaling Up Scraps oleh Syiborisyd dan Aruznadi," katanya pada 9 Jun.

Pagar 2tt oleh Parti Design Awan-gan, Deru Arus (Jamil Zakaria), Dung Beetle-A Participatory 'Dirt' Exploration (Cheng Yen Peng) serta The Light of All Things (Khabir Roslan) turut memenangi geran itu.

Festival di The Spine @ PJKita anjuran Tourism Selangor dengan kerjasama Rantai Art turut menampilkan kumpulan muzik tempatan antaranya Daliliya-na, Kingsley Chen dan Lorita Nyepit.

Lebih 2,000 pengunjung hadir acara yang meriah dengan aneka jualan makanan, minuman, hasil seni dan kraf.

Faisal perlu rehat enam bulan

SHAH ALAM - Pemain Selangor FC Faisal Halim memerlukan masa sekurang-kurangnya enam bulan untuk pulih kecederaan akibat serangan simbahen asid.

EXCO Sukan Najwan Halimi menjelaskan tonggak pasukan kebangsaan itu dilihat bersemangat menjalani rawatan susulan selain yakin proses pemulihan dapat dipercepat.

"Faisal kini berehat dan menjalani rawatan susulan. Semangatnya cukup kuat dan kemungkinan proses pemuli-

han dapat dipercepatkan.

"Selangor FC memaklumkan mungkin ambil masa enam bulan untuk pulih tapi kita doakan mudah-mudahan beliau dapat sembuh lebih awal," katanya pada 6 Jun. Beliau juga menambah Faisal mengalami trauma akibat serangan berkenaan tetapi dibantu pihak ber-tanggungjawab.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Selangor FC Dr Johan Kamal Hamidon berkata Faisal masih belum boleh

melakukan aktiviti kecergasan berat susulan luka kelecuran dialami belum pulih sepenuhnya.

Menurutnya luka di beberapa bahagian badan pemain sayap kebangsaan itu masih basah selain kekuningan seperti bernanah.

"Saya ada melawat beliau minggu lepas dan dapat lihat bahagian luka masih lagi basah dan berwarna kekuningan, tetapi saya tidak pasti itu adalah nana atau sebaliknya," katanya.

Bantuan cengkeram motor hingga 30 Jun

SHAH ALAM - Permohonan bantuan bayaian pendahuluan pembelian motosikal untuk pekerja BikeCare-1000 fasa dua dibuka sehingga 30 Jun.

EXCO Sumber Manusia V Papparaidu berkata borang permohonan program khusus untuk warga Selangor itu boleh di-peroleh dan dihantar ke pejabat Unit Pembangunan Pekerja Selangor (UPPS), tingkat lima bangunan pentadbiran negeri.

"Pemohon perlu mematuhi syarat yang ditetapkan iaitu berusia 18 tahun ke atas, memiliki lesen motosikal yang sah dan tidak disenarai hitam Pusat Sistem Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS).

"Setiap permohonan perlu disertakan dengan salinan kad pengenalan pemohon, salinan kad pengenalan penjamin (keluarga), salinan penyata bank, salinan lesen motosikal dan salinan penyata gaji dua bulan terkini," katanya pada 11 Jun.

Tawar 1,500 ayam di jualan murah

SHAH ALAM - Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Baharu menawarkan 1,500 ekor ayam dalam program Jualan Ehsan Rahmah (JER) mega sempena Aidiladha di Pusat Khidmat DUN itu pada 15 Jun.

Selain ayam, wakil rakyatnya Pang Sock Tao memberitahu sebanyak 600 kampit beras, 144 botol minyak, 600 papan telur, 400 pek ikan dan 400 pek daging turut disediakan kepada pengunjung.

"Berita baik untuk penduduk DUN Kuala Kubu Baharu. Jualan Ehsan Rahmah Madani Mega Aidiladha DUN Kuala Kubu Baharu diadakan pada Sabtu.

"Terdapat potongan harga kaw kaw menanti anda! Ayuh, datanglah beramai-ra-mai!" katanya di Facebook pada 10 Jun.

Saringan percuma cegah barah

SHAH ALAM - Golongan wanita sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Kampung Tunku berpeluang mendapatkan saringan virus papiloma manusia (HPV) secara percuma pada 13 Julai.

Wakil rakyatnya berkata saringan bagi mengesan risiko barah pangkal rahim bermula 10 pagi hingga 3 petang di Dewan Serbaguna Majlis Bandaraya Petaling Jaya SS3/14.

"Barah pangkal rahim boleh dirawat dengan pengesanan awal. Dapatkan saringan anda. Ia mudah, tidak menyakitkan dan sangat efektif," kata Lim Yi Wei di Facebook yang turut mengingatkan peserta untuk membawa telefon bimbit dan kad pengenalan.

Menurutnya, pendaftaran program anjuran Pusat Wanita Berdaya DUN Kampung Tunku dengan kerjasama beberapa agensi menerusi pautan forms.gle/AKkkS-3dVLLZgV9RK6

Bangunkan ekonomi Sabak Bernam

SABAK BERNAM - Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) yang terkandung dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) bakal mengubah landskap daerah berkenaan.

Ketua tanggungjawab sosial korporat dan komunikasi korporat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) berkata SABDA melibatkan sektor perikanan, pertanian dan pelancongan akan memberi tempias kepada ekonomi selain demografi penduduk.

"SABDA akan merubah daerah ini. Mengikut jabatan statistik, Sabak merupakan kawasan paling tua. Bukan tua usia tetapi dihuni warga emas.

"Dengan adanya pembangunan SABDA, kawasan ini mencipta peluang kerjaya dan ekonomi sekali gus menarik kedatangan generasi muda," kata Ahmad Azri Zainal Nor.

Pasar tani kekal di pekarangan stadium

SHAH ALAM - Pasar Tani Stadium Shah Alam di Seksyen 13 di sini masih beroperasi setiap Ahad meski projek pembangunan semula Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) berjalan di kawasan tersebut.

Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Rosilawati Abu Hassan berkata lokasinya dialih sedikit tetapi kekal di pekarangan stadium itu.

"Pasar Tani Stadium Shah Alam yang berada dalam kawasan pembangunan KSSA masih beroperasi dan tidak dihentikan oleh kerajaan Selangor.

"Kita alih sedikit pasar tani ke kawasan baharu tetapi masih di pekarangan stadium seperti yang diarah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd," katanya seperti dilapor Bernama pada 6 Jun.

59,757 usahawan kembang niaga

SHAH ALAM - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) meluluskan 89,347 pembiayaan bernilai RM810 juta sejak 2015 hingga kini kepada seramai 59,757 usahawan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya Dato' Mearia Hamzah, bantuan itu bagi memenuhi hasrat untuk melonjakkan golongan berpendapatan rendah kepada kelas menengah melalui perniagaan.

Beliau menjelaskan Hijrah Selangor sentiasa memberi perkhidmatan terbaik untuk melebar peluang golongan kelas menengah.

"Ini bagi memastikan mereka mampu berdaya saing serta mengembangkan perniagaan ke peringkat lebih tinggi," katanya dalam majlis peluncuran logo PLATS Biaya pada 5 Jun.

Kadar baharu tidak lebih 25 peratus

SHAH ALAM - Orang ramai boleh mengemukakan bantahan kadar baharu cukai taksiran kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sebelum tempoh akhir pada 14 Jun.

Menjelaskan kadar baharu tidak melebihi 25 peratus, datuk bandarnya berkata penilaian semula dibuat selepas 18 tahun untuk memastikan perkhidmatan kepada rakyat terus efisien.

Menurut Dato' Mohd Fauzi Mohd



Yatim, pihaknya juga sedia bertemu pemilik harta yang membantah kadar baharu itu dalam sesi pendengaran khas yang akan diadakan selepas tempoh bantahan.

"Ada tidak bersetuju dengan kenaikan cukai taksiran tetapi sebenarnya MBSA memerlukan kewangan kukuh dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Kita memerlukannya (cukai). Kenaikan tidak melebihi 25 peratus daripada

cukai lama tetapi kita terima bantahan dan akan panggil pemilik hartanah untuk sesi pendengaran," katanya.

Bermula 9 Mei hingga 6 Jun, MBSA menerima 1,990 bantahan daripada pemilik harta berhubung kadar baharu cukai tersebut yang dikuat kuasa mulai Januari tahun depan.

Kadar itu melibatkan kediaman, perdagangan, perindustrian dan tanah kosong (pertanian), manakala rumah ibadat, sekolah dan premis awam yang bukan bermotif keuntungan menerima pengecualian.

Ada ruang untuk kemuka bantahan

Hampir 40 tahun tidak naik cukai

OLEH SITI ROHAIZAH ZAINAL, SUHAILA SHAHRUL ANNUAR & FITRI HAZIM HAZAM

SHAH ALAM - Lapan pihak berkusahaan tempatan (PBT) tidak membuat semakan kadar cukai taksiran antara kira-kira 20 hingga 40 tahun lalu.

Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) paling lama tidak menaikkan kadar itu selama 39 tahun sejak 1985, diikuti Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) 37 tahun sejak 1987 dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) 32 tahun sejak 1992.

Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) pula tidak menaikkan cukai taksiran selama 32 tahun sejak 1992 bagi kawasan Subang Jaya dan Bandar Sunway. Manakala kawasan USJ, Puchong, Seri Kembangan dan Serdang selama 28 tahun sejak 1996.

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) pula selama 27 tahun sejak 1997, manakala Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS)

28 tahun sejak 1996.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pula tidak mengenakan sebarang peningkatan cukai taksiran selama 18 tahun sejak 2006.

Berdasarkan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), nilaiannya boleh dibuat setiap lima tahun atau dalam tempoh lanjutan yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri.

Meski ada cadangan semakan jumlah cukai taksiran, pemilik hartanah boleh membuat bantahan kepada PBT masing-masing mengikut tarikh yang ditetapkan.

Tarikh akhir menghantar bantahan boleh disemak di portal atau media sosial pihak berkenaan. Tarikh bantahan juga dimuatkan dalam notis kepada pemilik.

MPKJ sudah menguat kuasa semakan sejak 1 Januari tahun ini tetapi hanya mengenakan bayaran sebanyak 50 peratus daripada kadar kenaikan setiap pemilik. Bayaran kadar penuh akan dikuat kuasa pada tahun depan.

Tarikh akhir bantahan MPS dan MPAJ berakhir pada 31 Mei, semestinya MBSJ belum menetapkan tarikh.

Tarikh bantahan di PBT lain seperti berikut:

MBSA	14 Jun
MPKL	24 Jun
MPKS	1 Julai
MPHS	5 Julai
MBDK	16 Julai
MPBJ	18 Julai

Pada 30 Mei, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan proses penilaian baharu yang dijalankan PBT penting demi memastikan keberkesanan perancangan bandar.

Menegaskan rumah kos rendah tidak dikenakan kenaikan meski menerima notis itu, beliau berkata semakan tersebut bertujuan mengetahui nilai dan mutu perbandaran sesebuah kawasan.

Katanya, pentadbiran negeri juga akan meneliti pelbagai faktor sebelum memberi kebenaran kepada PBT untuk membuat kenaikan ataupun sebaliknya.

Sesi dengar bantahan MPAJ 24 Jun

SHAH ALAM - Sesi pendengaran membabitkan 12.34 peratus pemegang harta yang membantah nilaiannya baharu pemilikan harta di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dijadual pada 24 Jun.

Yang Dipertua Dr Ani Ahmad memberitahu sesi tersebut diadakan secara berperingkat sehingga 31 Julai melibatkan 22,352 daripada 181,144 pemegang harta di kawasan



pentadbiran MPAJ.

"Panggilan dan jemputan ke sesi mendengar bantahan dihantar melalui surat, e-mel dan sistem pesanan ringkas (SMS) kepada pemilik harta yang membuat bantahan."

"Pemilik harta yang menerima jemputan diminta membuat pengesahan kehadiran melalui pautan yang

dilampirkan bersama jemputan kelak," katanya.

Beliau menjelaskan MPAJ akan membawa kertas pembentangan senarai nilaiannya baharu kepada Kerajaan Negeri selepas sesi pendengaran untuk kelulusan yang dijangka pada September.

Katanya, nilaiannya baharu itu hanya dikuat kuasa melalui pembayaran bil cukai taksiran bermula 1 Januari tahun depan selepas pentadbiran negeri memberi persetujuan.



Borhan (dua, kiri) menyaksikan penyerahan cek cura baik pulih lif daripada Setiausaha Bahagian Perancangan Perumahan KPPT Khalid Mohamed (dua, kanan) kepada Dr Juhari (kiri) sempena program Jalinan Kasih Mesra Rewang Sekampung di Seksyen 26, Shah Alam pada 8 Jun. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Utamakan keselesaan penghuni

RM2.5 juta baiki tiga PPR

Oleh SOFIA NASIR

SHAH ALAM - Peruntukan RM2.5 juta disediakan bagi membaik pulih Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Baru Hicom, PPR Kota Damansara dan PPR Seri Kiambang di Serendah, Hulu Selangor.

EXCO Perumahan Borhan Aman Shah berkata tiga PPR tersebut turut menerima tambahan peruntukan bagi penyelenggaraan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) RM1.74 juta.

Menegaskan dana itu bertujuan memastikan penghuni menikmati kehidupan selesa, beliau berkata usaha menambah baik dasar PPR dari semasa ke semasa dipapar dalam Belanjawan Selangor 2024.

"Usaha ini membuktikan keprihatinan kerajaan bagi menjayakan hasrat dan harapan rakyat untuk mendiami rumah lebih selesa dan kondusif," kataanya di PPR Kampung Baru Hicom di sini.

Beliau merasmikan program Jalinan Kasih Mesra PPR Rewang Sekampung pada 8 Jun. Hadir sama Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Dato' Dr Juhari Ahmad.

Borhan turut mengumumkan pe-

runtukan khas RM1.5 juta kepada PPR Kampung Baru Hicom untuk menyelenggara dan penggantian lif bawah program Lif Madani 2.0.

Beliau menambah PPR Kampung Baru Hicom menerima projek tambah baik kemudahan asas seperti ruang legar kedai makan, landskap, kawasan parkir motosikal serta gelanggang futsal.

"Usaha mengukuh kerjasama pintar dengan pelbagai pihak terus dipergiat bagi membangunkan PPR ke arah acuan Keluarga Madani," katanya lagi.

Sementara itu, program Rewang Sekampung memberi peluang penduduk merasai pengalaman gotong-royong ala kampung.

Pekerja pembersihan R Chandrakala, 44, mengakui teruja apabila julung kali menyertai kegiatan menyiapkan juadah makanan seperti kenduri untuk 4,000 penduduk.

"Ini pertama kali saya datang rewang dan seronok dapat berkumpul bersama jiran. Selama 10 tahun tinggal di sini, kami tidak pernah ada kegiatan besar seperti ini."

"Saya harap program baik seperti ini dianjurkan selalu, kalau dapat dua kali setahun pun cukup. Kami orang susah, hujung minggu tiada aktiviti apa pun," katanya.

Distinctively IJM

SIERRA HIJAUAN

NIKMATI ALAM SEMULA JADI DI TENGAH KOTA

Rumah Berkembar untuk Dijual

Unit Bumiputera

Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K)
Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

IJM LAND
ANAK SYARIKAT UJM CORPORATION BERHAD

• 019 268 4648 • sierrahijauan • ijmland • sierrahijauan.my

Fasa 2E Pemaju: Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan • Tel : 03-7985 8188 Faks : 03-7952 9848/9891 • Jenis : Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Sesetengah 3 Tingkat • No. Lesen Perlesenian : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Permohonan dan Juulan : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Lesen Pelan : 10296/10/2027/1186(A) • Majlis Perbandaran yang meluluskan Pelan Bangunan : Majlis Perbandaran Ampang Jaya • No. Kelsiasian Pelan Bangunan : MPAJ BS KB. 740-1/2-11/2-3 • Pegangan Tanah : 99 tahun • Tarikh tamat tempoh : 6 Januari 2114 • Sekatan kepentingan : Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah : Tiada • Tarikh Dijangka Siap : Mac 2026 • Jumlah Unit: 24 (Rumah Berkembar 21/2 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,375,800 (Minimum/Maksimum) • Jumlah Unit: 1 (Rumah Sesetengah 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM 4,420,800 (Minimum/Maksimum) • Diskaun untuk Bumiputera : 7% • Fasa 2H Pemaju: Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya • Tel : 03-7985 8188 Faks : 03-7952 9848/9891 • Jenis : Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Sesetengah 3 Tingkat • No. Lesen Perlesenian : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Permohonan dan Juulan : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Lesen Pelan : 10296/10/2027/1186(A) • Majlis Perbandaran yang meluluskan Pelan Bangunan : Majlis Perbandaran Ampang Jaya • No. Kelsiasian Pelan Bangunan : MPAJ BS KB. 740-1/2-11/2-3 • Pegangan Tanah : 99 tahun • Tarikh tamat tempoh : 6 Januari 2114 • Sekatan kepentingan : Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah : Tiada • Tarikh Dijangka Siap : Ogos 2026 • Jumlah Unit: 24 (Rumah Sesetengah 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,375,800 (Minimum/Maksimum) • Jenis BA2 - Jumlah Unit: 1 (Rumah Sesetengah 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,783,800 (Minimum/Maksimum) • Diskaun untuk Bumiputera : 7% Fasa 2G2 - Pemaju: Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya • Tel : 03-7985 8188 Faks : 03-7952 9848/9891 • Jenis : Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Sesetengah 3 Tingkat • No. Lesen Perlesenian : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Permohonan dan Juulan : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Lesen Pelan : 10296/10/2027/1186(A) • Majlis Perbandaran yang meluluskan Pelan Bangunan : Majlis Perbandaran Ampang Jaya • No. Kelsiasian Pelan Bangunan : MPAJ BS KB. 740-1/2-11/2-3 • Pegangan Tanah : 99 tahun • Tarikh tamat tempoh : 6 Januari 2114 • Sekatan kepentingan : Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah : Tiada • Tarikh Dijangka Siap : Ogos 2026 • Jenis SD1 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,194,800 (Minimum) • RM4,241,800 (Maksimum) • Jenis SD3 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,297,800 (Minimum) • RM3,742,800 (Maksimum) • Jenis BA2 - Jumlah Unit: 1 (Rumah Sesetengah 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,876,800 (Minimum/Maksimum) • Diskaun untuk Bumiputera : 7% Fasa 2G3 - Pemaju: Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya • Tel : 03-7985 8188 Faks : 03-7952 9848/9891 • Jenis : Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Sesetengah 3 Tingkat • No. Lesen Perlesenian : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Permohonan dan Juulan : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Lesen Pelan : 10296/10/2027/1186(A) • Majlis Perbandaran yang meluluskan Pelan Bangunan : Majlis Perbandaran Ampang Jaya • No. Kelsiasian Pelan Bangunan : MPAJ BS KB. 740-1/2-11/2-3 • Pegangan Tanah : 99 tahun • Tarikh tamat tempoh : 6 Januari 2114 • Sekatan kepentingan : Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah : Tiada • Tarikh Dijangka Siap : Ogos 2026 • Jenis SD1 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,194,800 (Minimum) • RM4,241,800 (Maksimum) • Jenis SD3 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,297,800 (Minimum) • RM3,742,800 (Maksimum) • Jenis BA2 - Jumlah Unit: 1 (Rumah Sesetengah 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,876,800 (Minimum/Maksimum) • Diskaun untuk Bumiputera : 7% Fasa 2G4 - Pemaju: Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya • Tel : 03-7985 8188 Faks : 03-7952 9848/9891 • Jenis : Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Sesetengah 3 Tingkat • No. Lesen Perlesenian : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Permohonan dan Juulan : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Lesen Pelan : 10296/10/2027/1186(A) • Majlis Perbandaran yang meluluskan Pelan Bangunan : Majlis Perbandaran Ampang Jaya • No. Kelsiasian Pelan Bangunan : MPAJ BS KB. 740-1/2-11/2-3 • Pegangan Tanah : 99 tahun • Tarikh tamat tempoh : 6 Januari 2114 • Sekatan kepentingan : Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah : Tiada • Tarikh Dijangka Siap : Ogos 2026 • Jenis SD1 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,194,800 (Minimum) • RM4,241,800 (Maksimum) • Jenis SD3 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,297,800 (Minimum) • RM3,742,800 (Maksimum) • Jenis BA2 - Jumlah Unit: 1 (Rumah Sesetengah 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,876,800 (Minimum/Maksimum) • Diskaun untuk Bumiputera : 7% Fasa 2G5 - Pemaju: Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya • Tel : 03-7985 8188 Faks : 03-7952 9848/9891 • Jenis : Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Sesetengah 3 Tingkat • No. Lesen Perlesenian : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Permohonan dan Juulan : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Lesen Pelan : 10296/10/2027/1186(A) • Majlis Perbandaran yang meluluskan Pelan Bangunan : Majlis Perbandaran Ampang Jaya • No. Kelsiasian Pelan Bangunan : MPAJ BS KB. 740-1/2-11/2-3 • Pegangan Tanah : 99 tahun • Tarikh tamat tempoh : 6 Januari 2114 • Sekatan kepentingan : Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah : Tiada • Tarikh Dijangka Siap : Ogos 2026 • Jenis SD1 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,194,800 (Minimum) • RM4,241,800 (Maksimum) • Jenis SD3 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,297,800 (Minimum) • RM3,742,800 (Maksimum) • Jenis BA2 - Jumlah Unit: 1 (Rumah Sesetengah 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,876,800 (Minimum/Maksimum) • Diskaun untuk Bumiputera : 7% Fasa 2G6 - Pemaju: Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya • Tel : 03-7985 8188 Faks : 03-7952 9848/9891 • Jenis : Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Sesetengah 3 Tingkat • No. Lesen Perlesenian : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Permohonan dan Juulan : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Lesen Pelan : 10296/10/2027/1186(A) • Majlis Perbandaran yang meluluskan Pelan Bangunan : Majlis Perbandaran Ampang Jaya • No. Kelsiasian Pelan Bangunan : MPAJ BS KB. 740-1/2-11/2-3 • Pegangan Tanah : 99 tahun • Tarikh tamat tempoh : 6 Januari 2114 • Sekatan kepentingan : Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah : Tiada • Tarikh Dijangka Siap : Ogos 2026 • Jenis SD1 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,194,800 (Minimum) • RM4,241,800 (Maksimum) • Jenis SD3 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,297,800 (Minimum) • RM3,742,800 (Maksimum) • Jenis BA2 - Jumlah Unit: 1 (Rumah Sesetengah 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,876,800 (Minimum/Maksimum) • Diskaun untuk Bumiputera : 7% Fasa 2G7 - Pemaju: Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya • Tel : 03-7985 8188 Faks : 03-7952 9848/9891 • Jenis : Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Sesetengah 3 Tingkat • No. Lesen Perlesenian : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Permohonan dan Juulan : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Lesen Pelan : 10296/10/2027/1186(A) • Majlis Perbandaran yang meluluskan Pelan Bangunan : Majlis Perbandaran Ampang Jaya • No. Kelsiasian Pelan Bangunan : MPAJ BS KB. 740-1/2-11/2-3 • Pegangan Tanah : 99 tahun • Tarikh tamat tempoh : 6 Januari 2114 • Sekatan kepentingan : Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah : Tiada • Tarikh Dijangka Siap : Ogos 2026 • Jenis SD1 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,194,800 (Minimum) • RM4,241,800 (Maksimum) • Jenis SD3 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,297,800 (Minimum) • RM3,742,800 (Maksimum) • Jenis BA2 - Jumlah Unit: 1 (Rumah Sesetengah 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,876,800 (Minimum/Maksimum) • Diskaun untuk Bumiputera : 7% Fasa 2G8 - Pemaju: Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya • Tel : 03-7985 8188 Faks : 03-7952 9848/9891 • Jenis : Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Sesetengah 3 Tingkat • No. Lesen Perlesenian : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Permohonan dan Juulan : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Lesen Pelan : 10296/10/2027/1186(A) • Majlis Perbandaran yang meluluskan Pelan Bangunan : Majlis Perbandaran Ampang Jaya • No. Kelsiasian Pelan Bangunan : MPAJ BS KB. 740-1/2-11/2-3 • Pegangan Tanah : 99 tahun • Tarikh tamat tempoh : 6 Januari 2114 • Sekatan kepentingan : Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah : Tiada • Tarikh Dijangka Siap : Ogos 2026 • Jenis SD1 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,194,800 (Minimum) • RM4,241,800 (Maksimum) • Jenis SD3 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,297,800 (Minimum) • RM3,742,800 (Maksimum) • Jenis BA2 - Jumlah Unit: 1 (Rumah Sesetengah 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,876,800 (Minimum/Maksimum) • Diskaun untuk Bumiputera : 7% Fasa 2G9 - Pemaju: Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya • Tel : 03-7985 8188 Faks : 03-7952 9848/9891 • Jenis : Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Sesetengah 3 Tingkat • No. Lesen Perlesenian : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Permohonan dan Juulan : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Lesen Pelan : 10296/10/2027/1186(A) • Majlis Perbandaran yang meluluskan Pelan Bangunan : Majlis Perbandaran Ampang Jaya • No. Kelsiasian Pelan Bangunan : MPAJ BS KB. 740-1/2-11/2-3 • Pegangan Tanah : 99 tahun • Tarikh tamat tempoh : 6 Januari 2114 • Sekatan kepentingan : Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah : Tiada • Tarikh Dijangka Siap : Ogos 2026 • Jenis SD1 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,194,800 (Minimum) • RM4,241,800 (Maksimum) • Jenis SD3 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,297,800 (Minimum) • RM3,742,800 (Maksimum) • Jenis BA2 - Jumlah Unit: 1 (Rumah Sesetengah 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,876,800 (Minimum/Maksimum) • Diskaun untuk Bumiputera : 7% Fasa 2G10 - Pemaju: Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya • Tel : 03-7985 8188 Faks : 03-7952 9848/9891 • Jenis : Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Sesetengah 3 Tingkat • No. Lesen Perlesenian : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Permohonan dan Juulan : 10296/10/2027/1186(A) • Tarikh Sah : 31/10/2022-30/10/2027 • No. Lesen Pelan : 10296/10/2027/1186(A) • Majlis Perbandaran yang meluluskan Pelan Bangunan : Majlis Perbandaran Ampang Jaya • No. Kelsiasian Pelan Bangunan : MPAJ BS KB. 740-1/2-11/2-3 • Pegangan Tanah : 99 tahun • Tarikh tamat tempoh : 6 Januari 2114 • Sekatan kepentingan : Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah : Tiada • Tarikh Dijangka Siap : Ogos 2026 • Jenis SD1 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,194,800 (Minimum) • RM4,241,800 (Maksimum) • Jenis SD3 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,297,800 (Minimum) • RM3

Tidak duga jadi tetamu Allah

Oleh ABDUL RAHIM SABRI

Foto FIKRI YUSOF

Usianya sudah 68 tahun tetapi peluang naik haji dijadual pada 2070. Walau sudah cukup simpanan dengan Lembaga Tabung Haji (TH), Yacob Ahmad terpaksa menunggu 46 tahun lagi untuk menuai rukun Islam kelima.

Semuanya ini gara-gara silap faham beliau ketika awal-awal membuka akaun simpanan dengan TH. Pesara kerajaan ini mendaftar haji hanya pada 2021 walau akaunnya dibuka lebih 20 tahun lalu.

"Sepatutnya (saya) pergi tahun 2070. Saya fikir tidak mengapa kalau tidak dapat pergi. Tetapi saya dapat (pergi) tahun ini kerana isteri saya. Dia dapat tawaran."

"Tabung Haji tanya (dia) calon mahram? Isteri saya cakap suami saya tidak dapat (tawaran). Saya jadi mahram (selepas permohonan rayuan)," katanya kepada Selangorkini sehari sebelum bertolak ke tanah suci pada 8 Jun.

"Tiba-tiba dapat jadi pergi, seronoknya. Rezeki. Hajat saya termakbul. Rezeki dapat pergi," tambahnya, dengan menjelaskan beliau sebelum ini menyayangka diberikan giliran secara automatik ketika mula menabung.

Beliau antara 222 penerima bantuan RM1,000 seorang dalam program Insentif Haji Muassasah yang diserahkan di Batang Kali, Hulu Selangor pada 5 Mei (foto kanan). Peruntukan RM6 juta disediakan untuk 6,000 jemaah haji tahun ini.

Bermula beberapa tahun lepas, insentif RM500 seorang digandakan kepada RM1,000 tahun ini. Jumlah penerima juga ditingkatkan semula kepada enam ribu orang.

Selangor juga bakal menanggung kos perjalanan 36 jemaah daripada keluarga kurang berkecimpungan untuk mengerjakan ibadah itu secara percuma tahun ini.

Ia susulan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj pada 28 April. Justeru RM1.2 juta akan dibelanjakan untuk tujuan itu.



Bilangan jemaah haji Selangor yang bakal mengerjakan ibadah kelima dalam rukun Islam di Makkah pada tahun ini seramai 8,061 orang.

Ringankan kos

Sementara tiga lagi jemaah haji dari Selangor yang diwawancara melahirkan rasa syukur setelah merancang ke Makkah kira-kira 15 tahun lalu. Mereka mendaftar pada 2008 dan 2009.

"Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur dijemput oleh Allah pada usia 51 tahun dan suami pula 60 tahun. Inilah hadiah daripada Allah untuk kami berdua,"



PERUNTUKAN PROGRAM INSENTIF HAJI MUASSASAH

Tahun	Bilangan Penerima	Peruntukan (RM)	Catatan
2020	-	-	Pandemik Covid-19
2021	-	-	Pandemik Covid-19
2022	3,000	1,654.800	Sumbangan wang tunai dan kit haji
2023	3,000	1,653.000	Sumbangan wang tunai dan kit haji
2024	6,000	6,000,000	Sumbangan wang tunai

Sumber Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI

kata Shuhaida Ali Miras @ Abd Shukor dari tanah haram pada 10 Jun.

Menyimpan wang melalui pemotongan gaji setiap bulan dan pergi bersama suami Azhar Md Yusof, kakitangan Majlis Amanah Rakyat (Mara) itu mendaftar pada 2009.

Seorang buruh Amaluddin Ismail, 55, dan pesara guru Azlina Supari, 56, juga membuat potongan pendapatan setiap bulan untuk menyahut lambaian Kaabah.

Dihubungi Selangorkini melalui mesej WhatsApp dari Makkah, mereka menuai ibadat fardu ini dengan ditemani oleh pasangan masing-masing.

"Setelah sekian lama menunggu, akhirnya saya dijemput menjadi duyuf ar-Rahman (tetamu Allah)," kata Amaluddin yang mendaftar pada 2008.

Azlina menabung sejak mula bekerja pada usia 25 tahun pada 1993. "Saya sangat berterima kasih kepada suami yang telah mendaftarkan nama saya di TH pada 2009," katanya.

Seperti Yacob, ketiga-tiga jemaah ini menerima insentif RM1,000 daripada Kerajaan Negeri pada majlis yang sama. Jumlah ini digunakan untuk perbelanjaan di tanah suci.

"Syukur dengan insentif kerajaan, kami dapat meringsankan kos perbelanjaan di sini. Terima kasih Kerajaan Selangor. Saya dan suami memang anak jati Selangor," jelas Shuhaida.

Yacob pula merancang menghulur sedekah sebagai amal jariahnya. "Bagus (insentif ini). Saya dapat buat perbelanjaan (persiapan). Duit itu juga saya boleh bersedekah, memanjangkan pahala."

Mengenai persiapan, beliau sudah menghadiri kursus haji sebelum mendapat tawaran. "Apabila dapat jawapan (boleh pergi), lagi bersemangat," katanya.

Selain berpandukan bahan kursus dan pengalaman rakan-rakannya, Azlina menambah lagi pengetahuan dengan menonton dari YouTube.

"(Saya) membaca buku-buku rujukan yang dibekalkan oleh TH, selain mengikuti pembelajaran di YouTube. Untuk kelengkapan, (saya) ikut saranan TH dan pengalaman rakan-rakan," katanya.



Kitab warisan Melayu

Oleh NADIAH ZAMLUS

Foto AHMAD ZAKKI JILAN &

MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

Usinya mencapai 400 tahun. Tulisannya bertinta emas, kertasnya dari Eropah. Itulah al-Quran dihasilkan Kesultanan Terengganu, tersimpan rapi sehingga kini.

Kalam itu sebahagian lebih 20 manuskrip klasik Melayu yang dipapar pada Pameran al-Wahyu: Tradisi Keilmuan Islam Alam Melayu sempena Festival Turath Islami Selangor.

Dianjur antara 26 Mei hingga 2 Jun, ia berlangsung di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam (**lihat foto muka 15 dan 16**).

EXCO Hal Ehwal Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah yang merasmikan pameran itu teruja melihat manuskrip ratusan tahun dipamer buat kali pertama ketika festival (*foto kanan*).

Kesultanan di pantai timur itu antara kerajaan Islam di alam Melayu paling banyak menghasilkan salinan mashaf al-Quran pada abad ke-19 — ketika pemerintahan Sultan Omar Muazzam Riayat Shah (1839-1876).

Dikenali sebagai Baginda Omar, sultan Terengganu kesembilan lebih memerintah hampir 37 tahun. Baginda juga sultan pertama melantik mufti negeri itu.

Walau tiada surat tauliah rasmi, pelantikan mufti dibuktikan melalui surat wakaf Sultan Omar bertarikh 19 April 1874.

Ketua Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata tidak dinafikan Istana Terengganu pada abad tersebut aktif menyalin semula kitab suci.

“Sebuah naskhah al-Quran dari Istana Terengganu pernah dihadiahkan kepada Istana Selindong Bayu Saiburi, Pattani (selatan Thailand) sebagai pertukaran diplomatik.

“Kesemua hurufnya bertinta emas. (Naskhah ini) masih tersimpan rapi di Muzium al-Quran Narathiwat, Thailand,” kata Ts Dr Ros Mahwati Ahmad Zakaria yang ditugaskan sebagai kurator Pameran al-Wahyu.

Sebuah lagi manuskrip Terengganu disimpan muzium sama turut mengandungi emas. Bezanya ia hanya menggunakan titik-titik emas pada bahagian awal halaman, tengah dan paling belakang al-Quran.

Bukan semata-mata emas yang dibanggakan. Penggunaan bahan berkualiti membolehkan manuskrip ratusan tahun ini bertahan lama. Misalnya, naskhah itu ditulis di atas kertas laid



Sebuah naskhah al-Quran dari istana Terengganu pernah dihadiahkan kepada istana di Pattani. Kesemua hurufnya bertinta emas

yang dibawa dari Eropah.

Kertas jenis ini popular di benua tersebut antara abad ke-12 hingga 19. Kertas buatan tangan berwarna putih krim itu mempunyai tekstur garis halus. Sekali gus menjadikannya tampak klasik dan mewah. Sekarang kertas ini digunakan oleh artis.

“Selain kertas, ciri penting pada manuskrip ialah dakwat hitam. Dakwat mashaf lama diperbuat daripada abu tulang haiwan dan gading. Juga ada dakwat dihasil daripada jelaga. Sehingga kini ada satu kilang dakwat jelaga yang masih wujud di Indonesia.

Dakwat diadun madu

“Orang dahulu kala, bukan gunakan dakwat hitam itu semata-mata. Sebaliknya ia diadun bersama madu atau getah gajus untuk kekal.”

dakwat pada kertas. Kalau tidak dicampur medium berkenaan, nanti mungkin tulisan pada mashaf akan jadi debu semula,” jelasnya.

Kesultanan lain di Asia Tenggara yang aktif menyalin manuskrip al-Quran antaranya Riau-Lingga (di Sumatera), Sulawesi Selatan (Sulawesi), Banten, Cirebon, Yogyakarta, Surakarta (semuanya di Jawa), Sumbawa, Bima (kedua-duanya di Nusa Tenggara), Bone (Sulawesi), Ternate dan Tidore (kedua-duanya di Maluku).

Sehubungan itu, ada perbezaan seni ragam hias manuskrip kitab suci mengikut kawasan. Al-Quran dari Semenanjung Tanah Melayu, Indonesia dan selatan Thailand ada identiti tersendiri.

Mashaf dari Terengganu lebih banyak dilukis dengan motif ukiran kayu dan seni rumah tempatan. Ia termasuk tebar layar, juga rekaan bertingkat seakan-akan singgahsana istana. Lukisan bunga halus tidak ditinggalkan. Berbeza dengan Pattani, mereka lebih banyak menggunakan motif bunga lebih besar.

Al-Quran dari Jawa pula lebih ketara menggunakan pepohon yang dilukis secara simbolik. Pengkaji mampu menilai asal mashaf hanya melihat ragam hias lukisan birai mengelilingi kertas kitab suci itu.

Ciri-ciri seni ragam hias itu membolehkan pengkaji membezakan al-Quran dari alam Melayu dengan al-Quran Empayar Uthmaniyyah di Laut Mediterranean yang berkuasa antara awal abad ke-14 hingga awal kurun ke-20. ▶



- ① Al-Quran dari Thailand menggunakan motif hiasan bunga lebih besar
- ② Manusrip pembuatan sampan dari Muzium Narathiwat, Thailand ini memperincikan bahagian-bahagian sampan
- ③ Kandungan tiga manusrip ini mengupas ilmu aqidah, fiqah dan tafsir. Dua daripada tiga menggunakan kertas laid dari Eropah
- ④ Kitab abad ke-19 ini mengandungi ilmu teknikal dan bahan diperlukan bagi menghasilkan bilah keris

Semua manuskrip al-Quran klasik dalam Pameran al-Wahyu dibawa dari Muzium al-Quran Narathiwat (Thailand), Perpustakaan Negara Malaysia, ATMA UKM dan koleksi orang persendirian.

Selain manuskrip al-Quran, pameran berkenaan turut mempamerkan kitab fiqh, tauhid, sejarah dan perubatan berbahasa Melayu yang ditulis dengan huruf jawi.

Koleksi kitab tua itu membuktikan ulama terdahulu mendidik orang Melayu dengan dakwah dan keilmuan Islam.

Ulama hebat

“Pentingnya penemuan ini adalah, pada waktu dahulu, orang Melayu tidak mempunyai pengetahuan bahasa Arab. Apabila naskhah ini ditulis ulama dengan tulisan jawi (bahasa Melayu), ia memberi manfaat kepada keseluruhan masyarakat Melayu,” kata Ros Mahwati lagi.

Salah satunya manuskrip Nazam Kanz Ula

karangan ulama terkenal Terengganu, Tokku Tuan Besar atau nama sebenarnya Sayid Zainal Abidin al-Aidrus. Dikenali nabam atau nabang dalam tradisi rakyat, nazam itu bacaan puisi atau syair buat junjungan Rasulullah.

Turut dipamerkan Manuskrip Muniyatul Musolli (Cita-cita Orang yang Bersembahyang), karya tokoh ulama tersohor Syeikh Daud al-Fatani, mengulas fiqh solat.

Tidak terhad kepada agama, manuskrip lama berkaitan petua perubatan juga ditemui. Ia menukilkan tentang bahan-bahan akar kayu untuk perubatan.

“Menerusi kitab ini, mereka bukan saja tulis tentang manfaat herba berkenaan. Tetapi cara menggunakan. Setiap satu langkah ditulis. Begitu teliti. Herba-herba alam Melayu sudah diceritakan sejak dahulu lagi.

“Manfaatnya sehingga kini kita terima. Disebabkan itu sehingga kini di rumah-rumah orang Melayu masih banyak tanaman

herba. Sebab dari dahulu kita sudah tahu manfaatnya,” kata Ros Mahwati.

Sewajarnya masyarakat kita bangga dengan warisan manuskrip lama berkenaan yang sekali gus membuktikan tokoh ulama alam Melayu sama hebat dengan Barat, tambahnya.

“(Sekarang) ini tidak (begitu sikap), mereka ingat buku-buku yang dihasilkan di Barat lebih hebat. Sedangkan sebenarnya kita tidak tahu ada manuskrip lama sebegini. Penulis Melayu sangat canggih dan sistematik, tapi katanya kita tidak secanggih mat salah yang hasilkan kitab lebih menarik.

“Bezaanya apa yang mereka tulis atau hasilkan ini berkaitan dengan keperluan pada masa itu. Seperti petua perubatan, syair mahupun seni pembuatan kapal dan meriam,” katanya.

Justeru menyokong Pameran al-Wahyu yang diusahakan Kerajaan Selangor bersama UKM, beliau mencadangkan ia dilaksana lebih kerap. Pameran seperti ini lebih ringkas dan cepat difahami golongan muda kini.

INVEST SELANGOR

THE GOLDEN STATE OF MALAYSIA

25 YEARS



Realisasi Visi Selangor Negeri Emas Malaysia



25 tahun satu perjalanan yang amat panjang. Pelbagai usaha dijayakan bagi mengukuhkan peranan dan fungsi Invest Selangor dalam membangunkan ekonomi Selangor.

Bermula dengan penubuhan Jawatankuasa Petugas Pelaburan Asing bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), fungsinya berkembang sehingga tertubuhnya Pusat Pelaburan Negeri Selangor (SSIC Berhad) yang beroperasi pada 1 Jun 1999.

Pada 2015, SSIC Berhad dijenamakan semula kepada Invest Selangor dengan fungsi dan tugas yang lebih luas. Pada tahun itu, bermulalah perjalanan Invest Selangor Berhad (Invest Selangor) meneroka pelbagai bidang hingga tertubuhnya Majlis Teknologi Maklumat dan E-dagang Selangor (SITEC), Perbadanan Ekonomi dan Maklumat Digital Selangor (SIDEK) serta banyak lagi.

Penganjuran Ekspo Antarabangsa Selangor yang kini dikenali sebagai Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) juga dimulakan pada 2015. Kini SIBS semakin dikenali malah hasil sambutan pelabur yang sangat menggalakkan, ia dilaksanakan sebanyak dua siri pada 2024.

Menginjak ke usia Jubli Perak pada tahun ini, Invest Selangor lebih yakin dan cekap dalam menguruskan sektor pelaburan bagi mempamerkan 'Selangor The Golden State of Malaysia' kepada dunia.

Sebagai negeri paling maju di Malaysia, pertumbuhan ekonomi Selangor teguh didorong oleh peranan yang dimainkan oleh Invest Selangor dalam membantu dan menyediakan infrastruktur perniagaan sekali gus mampu menyelesaikan isu-isu pembangunan yang dihadapi pelabur.



INVEST SELANGOR

THE GOLDEN STATE OF MALAYSIA

PERKUKUH EKOSISTEM INDUSTRI

Oleh SOFIA NASIR | Foto HAFIZ OTHMAN

Invest Selangor Berhad atau dahulunya dikenali sebagai Pusat Pelaburan Negeri Selangor (SSIC Berhad) merupakan agensi pemudah cara dalam urusan berkaitan pelaburan, penyediaan maklumat serta khidmat nasihat berhubung pelaburan berpotensi dan sedia ada di negeri ini.

Ditubuhkan pada 1 Jun 1999, Invest Selangor kini menginjak ke usia Jubli Perak sekali gus lebih yakin dan cekap dalam menguruskan sektor pelaburan bagi memperkenalkan 'Selangor The Golden State of Malaysia' kepada dunia.

Ikuti temubual Selangorkini dalam edisi istimewa bersama Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Hasan Azahari berkaitan sejarah penubuhan Invest Selangor, sasaran masa hadapan dan harapannya untuk keseluruhan organisasi serta ekonomi negeri.

SK: Sebagai pembuka bicara, boleh Dato' jelaskan peranan dan fungsi Invest Selangor kepada negeri Selangor khususnya?

DATO' HASAN: Invest Selangor sebagai agensi penggalak pelaburan kepada Kerajaan Negeri sudah pasti tugas utamanya untuk mempromosikan peluang pelaburan di Selangor

Pelbagai sesi libat urus dilaksanakan dengan pelabur, persatuan perniagaan dan kedutaan asing. Sesi libat urus ini terdapat dalam pelbagai bentuk, sama ada menerusi program dialog, taklimat, seminar dan sebagainya. Itu promosi yang kita buat.

Di samping itu, kita juga aktif menyertai pelbagai pameran di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam melaksanakan usaha promosi, dan juga mengetengahkan kekuatan ekosistem industri di Selangor seperti industri aeroangkasa, elektrik dan elektronik serta lain-lain.

Untuk promosi di media cetak dan digital, dahulu kita banyak fokus di media tempatan tetapi untuk dua tiga tahun kebelakangan ini kita juga agak aktif dengan media antarabangsa terutamanya di Indonesia, Thailand, Hong Kong dan Singapura.

Pada 2015, kita mula menganjurkan Ekspo Antarabangsa Selangor yang mana sekarang dikenali sebagai Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS). Pada tahun itu kita campurkan semua industri kerana kita tidak tahu komponen mana yang akan mendapat sambutan baik. Kemudian pada 2016, kita mula nampak respons. Sebab itu pada 2017, kita sudah mula buat segmen dan asingkan sektor.

SK: Apakah strategi yang dimainkan dalam mempromosikan usaha untuk menarik pelaburan dan pembangunan di negeri ini?

DATO' HASAN: Strategi kita, salah satunya, selain daripada 'normal approach' adalah melalui majlis dan program. Sebagai contoh, SIBS. Kita tidak hanya promosi negeri kita tetapi juga negeri dan



negara Asean lain. Kita beri peluang kepada mereka untuk promosikan lokasi mereka sebagai destinasi pelaburan. Kenapa kita buat begitu? Tujuannya untuk perkukuhkan jenama Selangor di peringkat Asean. Dengan memberi peluang kepada yang lain, mereka dapat jadikan Selangor sebagai jambatan mereka, selaras dengan tema Selangor sebagai pintu masuk ke Asean.

Tahun lepas, Filipina, Thailand dan Vietnam antara negara luar yang terlibat. Thailand dan Vietnam serta melalui keduduan mereka manakala Filipina hantarkan lima pakar zon ekonomi untuk dipromosikan. Mereka agak terkejut kerana selepas program itu pada keesokan harinya, ada pelabur yang berminat dan terus terbang ke Filipina. Pahang juga dapat tandatangan MoU dan MoA dengan potensi pelaburan berjumlah RM2 bilion.

Tahun ini kita ada beberapa pembaharuan yang kita perkenalkan iaitu 'Soft Landing Programme' pada Mac lalu. Ia adalah insentif untuk membantu pelabur asing dan domestik yang sedang mempertimbangkan untuk melabur di Selangor. Kita berikan mereka ruang kerja percuma untuk dua orang selama sebulan. Sekiranya mereka buat keputusan untuk melabur, mereka akan dapat tambahan tiga bulan lagi secara percuma dengan tambahan dua orang lagi tenaga kerja, untuk mereka buat kerja awalan seperti hal-hal prosedur dan mencari pekerja. Setakat ini ada dua tempat yang kita sediakan iaitu di Cyberjaya dan i-City Shah Alam. Setakat ini sudah ada satu syarikat dalam sektor elektrik dan elektronik dari Belanda yang terlibat.

Sudah tentu apabila pekerjaan bertambah, permintaan untuk perkara lain juga bertambah berbeza dan komponen keahliannya juga lebih kurang sama, ia dipengerusikan Dato' Menteri Besar sendiri.

Pada 2016 juga kita tubuhkan Majlis Aeroangkasa Selangor (Selangor Aerospace Council). Fungsinya lebih kurang sama tetapi fokus industrinya berbeza dan komponen keahliannya juga lebih kurang sama, ia dipengerusikan Dato' Menteri Besar sendiri.

Pada 2016 juga, kita tubuhkan Majlis Halal Selangor (Selangor Halal Council) tetapi kemudiannya diserahkan kepada Kerajaan Negeri yang mempunyai portfolio untuk industri halal.

Untuk 2017, kita hasilkan Kajian Pelan Induk Perindustrian Selangor (Selangor Industrial Master Plan Study). Di bawahanya ada lima kluster industri yang kita fokuskan. Lima kluster industri itu adalah elektrik dan elektronik, makanan dan minuman, kelengkapan pengangkutan (aeroangkasa, automatik, keretapi), sains hayat, dan yang terakhir peralatan mesin. Pada 2021, lima kluster itu kemudiannya ditambah dua lagi kluster dalam sektor perkhidmatan iaitu logistik dan pelaburan digital.

SK: Sejauh manakah Invest Selangor membantu pelaburan masuk ke Selangor?

DATO' HASAN: Dalam organisasi kita ini, ada beberapa bahagian yang terlibat secara terus dengan industri iaitu Investment Development Division, ia lebih kepada aktiviti pra-pelaburan iaitu mempromosikan pelaburan kepada pelabur berpotensi. Yang kedua, kita ada bahagian yang dinamakan Investment and Services Support Division. Mereka ini membantu syarikat yang telah membuat keputusan untuk melabur.

Ketiga, kita ada Selangor Darul Ehsan Aerospace Industry Coordination Office (S-DAICO) yang hanya fokus kepada industri aeroangkasa. Kita juga ada satu lagi bahagian yang fokus kepada industri bio teknologi iaitu Selangor Biotech Coordination Office (S-BICO). Kedua-dua bahagian ini fokus pada dua industri berkenaan sahaja.

SK: Apakah strategi yang dimainkan dalam mempromosikan usaha untuk menarik pelaburan dan pembangunan di negeri ini?

DATO' HASAN: Strategi kita, salah satunya, selain daripada 'normal approach' adalah melalui majlis dan program. Sebagai contoh, SIBS. Kita tidak hanya promosi negeri kita tetapi juga negeri dan



DATO' HASAN: Dalam tempoh 20 tahun terakhir ini, lebih RM200 bilion projek yang diluluskan di Selangor dan lebih 6,000 projek perkilangan diluluskan. Ini bukan sahaja beri manfaat ekonomi tetapi mampu mencipta peluang pekerjaan. Mengikut rekod dalam tempoh 25 tahun ini lebih 400,000 peluang pekerjaan diwujudkan dan kita percaya ini akan memberi kesan kepada kitaran ekonomi di Selangor.

SK: Bercakap tentang pencapaian, apakah sektor yang mendominasi pelaburan dan ekonomi di Selangor?

DATO' HASAN: Selama tempoh 20 tahun ini, sektor pembuatan telah menjadi pendorong utama pelaburan dan ekonomi di Selangor, dengan jumlah pelaburan melebihi RM200 bilion. Subsektor elektrik dan elektronik khususnya telah menjadi penyumbang terbesar dalam sektor pembuatan yang menarik pelaburan purata sekitar RM2 bilion setiap tahun. Namun begitu, sektor perkhidmatan juga telah memainkan peranan penting dalam landskap pelaburan Selangor sejak tempoh 5 tahun yang terakhir.

SK: Sebagai peneraju Invest Selangor, apa yang boleh Dato' gamarkan Selangor sebagai The Golden State of Malaysia.

Pertamanya, kenapa kita kata Golden State. Ia kerana kita penyumbang ekonomi terbesar. Kita tidak pernah kata kita negeri terkaya. Tahun lepas kita penyumbang ekonomi terbesar dan kita menyumbang suku daripada ekonomi negara. Kita juga mendahului negara lain. Itu adalah faktor utama kekuatan ekonomi kita.

Yang kedua, kelebihan infrastruktur kita berbanding negeri lain kerana Selangor adalah pintu ekonomi negara sama ada melalui pintu udara dan laut. Kedua-duanya ada di Selangor dan itu membuktikan kita ada kelebihan dalam perhubungan.

Selain itu, kita juga ada kelebihan dalam tenaga kerja. Jumlah pekerja di Selangor adalah yang terbesar di Malaysia iaitu seramai 4 juta orang. Malah banyak institusi pengajian tinggi ada di Lembah Klang. Mengikut rekod, kita ada lebih 100 pusat pengajian tinggi termasuk awam dan swasta. Untuk kelebihan bakat dan tenaga kerja, Selangor mempunyai kelebihan itu. Selangor ada daya tarikan tersendiri walaupun negeri lain masih dapat pelaburan yang tinggi juga seperti Kedah dan Pulau Pinang. Tetapi untuk kelebihan bakat dan tenaga kerja, masih ada di Selangor. Itu pakej utama kita.

SK: Akhir sekali, apakah kata-kata dan harapan Dato' dalam memastikan seluruh warga Invest Selangor terus cemerlang dalam menjayakan negeri ini demi masa depan rakyat?

Pertamanya, kita bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana sejak awal penubuhan kita menerima sokongan dan kerjasama yang cukup baik daripada kepimpinan untuk membolehkan kita melaksanakan tugas dan mandat yang diberikan. Saya berharap Invest Selangor dapat terus memainkan peranan dalam membantu Kerajaan Negeri untuk mengukuhkan lagi ekosistem industri di Selangor dan seterusnya dapat menarik lebih banyak lagi pelaburan di Selangor.

Untuk organisasi, saya mengharapkan Invest Selangor lebih maju ke hadapan dengan menerapkan inovasi baharu seperti menggunakan dan memanfaatkan sistem digitalisasi. Sebelum ini kita tidak banyak guna sistem digital tetapi kita sudah bergerak ke arah itu supaya dapat memberi khidmat lebih cekap dan lebih baik kepada pelabur.



JADUAL PROGRAM INVEST SELANGOR BERHAD SEPANJANG 2024

1

SEMICON SOUTHEAST ASIA

PROGRAM: SEMICON SOUTHEAST ASIA

Tarikh: 28 Mei 2024 Tempat: Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC)

2

MAJLIS SAMBUTAN JUBLI PERAK INVEST SELANGOR

PROGRAM: MAJLIS SAMBUTAN JUBLI PERAK INVEST SELANGOR

Tarikh: 15 Julai 2024 Tempat: Hotel Sheraton Petaling Jaya

3

8TH SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT // 2024

PROGRAM: SIDANG KEMUNCAK PERNIAGAAN ANTARABANGSA SELANGOR (SIBS) - SIRI PERTAMA

Tarikh: 21 - 27 Julai 2024 Tempat: Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)

4

SELANGOR AVIATION SHOW 2024

PROGRAM: PAMERAN PENERBANGAN SELANGOR (SAS)

Tarikh: 12 - 14 September 2024 Tempat: Skypark Regional Aviation Show Centre, Shah Alam


5

8TH SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT // 2024

PROGRAM: SIDANG KEMUNCAK PERNIAGAAN ANTARABANGSA SELANGOR (SIBS) - SIRI KEDUA

Tarikh: 16 - 19 Oktober 2024 Tempat: Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)

PENCAPAIAN SYARIKAT & PRESTASI PELABURAN SELANGOR



Hayati tradisi talaqqi

RIBUAN bersyukur dan gembira dapat mendalamai pemikiran ulama besar Imam an-Nawawi di Festival Turath Islami Selangor (FTIS) selama lapan hari yang berakhir pada 2 Jun.

Selain perbahasan kitab Hadis 40 dan Riyadus Salihin, festival ini mempamerkan lebih 20 manuskrip agama dan ilmu alam Melayu. Peserta juga dihidangkan selawat dan qasidah bersama kumpulan nasyid popular.

Ribuan peserta menadah kitab di depan bekas Mufti Besar Mesir Prof Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

FTIS dirasmikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 26 Mei. Seminar Penghayatan Riyadhu as-Salihin diluncur Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1 Jun.

Tokoh ulama yang berbicara termasuklah Prof Dr Said Aqil Siradj dan Dr Adi Hidayat dari Indonesia, Baba Ghazali Ahmad (Thailand) dan Prof Emeritus Dato Dr Osman Bakar (Malaysia).

Lensa HAFIZ OTHMAN, AHMAD ZAKKI JILAN, REMY ARIFIN, FIKRI YUSOF dan MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN merakam acara menarik FTIS. Keterangan foto oleh HAFIZAN TAIB.



Ribuan jemaah menyertai Tausiyah Perdana pada 31 Mei yang menampilkan Dr Ali Jum'ah dan Dato' Menteri Besar



Perdana menteri meluncurkan lima jilid terjemahan Ihya Ulumuddin dan syarah Hadis 40 ketika merasmikan Seminar Penghayatan Riyadhu as-Salihin di Shah Alam pada 1 Jun



Amirudin dan peserta mendengar Dr Ali Jum'ah mengupas kitab Hadis 40 selepas pembukaan Festival Turath Islami Selangor di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 26 Mei



Mustasyar Pengurus Besar Nahdlatul Ulama Prof Dr Said Aqil Siradj menyampaikan syarahan perdana mengenai Kepentingan Kitab Turath Dalam Sejarah Nusantara dan Masa Kini pada 29 Mei



Ulama selatan Thailand Baba Ghazali Ahmad Al-Fathoni menyampaikan kuliah magrib bertajuk Pengenalan kepada Riyadhu as-Salihin Imam Nawawi di Shah Alam pada 29 Mei



Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika sesi perbualan khas Imam Nawawi dan Riyadhu as-Salihin selepas majlis perasmian Seminar Penghayatan Riyadhu as-Salihin di Dewan Orkid, Masjid Negeri pada 1 Jun



Dato' Menteri Besar berucap ketika Darul Ehsan Berselawat dan Maulid Akbar pada 2 Jun. Selain perdana menteri, turut sama Habib Ali Zaenal Abidin Al-Hamid (kanan) dan Habib Jindan Novel Salim Jindan



Pengarah Pusat Kajian Islam Quantum Akhyar Institute Dr Adi Hidayat berkongsi kisah Kehidupan Imam An-Nawawi Sebagai Teladan Buat Pencari Ilmu di Shah Alam pada 31 Mei



Penyandang Kursi al-Ghazali, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam UIA Prof Emeritus Dr Osman Bakar bersyarah di sesi Memanfaatkan Riyadhu As-Salihin Mengatasi Kemelut Kerohanian Muslim Modern pada 2 Jun



Kumpulan nasyid dari Syria Abu Shaar Bro mengalunkan qasidah dan selawat ketika Konsert Alunan Mahabbah di Dataran Karnival Stadium Shah Alam pada 1 Jun. Ditubuhkan pada 1983, kumpulan ini sering diundang ke acara keagamaan



Kira-kira 50,000 pengunjung menghayati Darul Ehsan Berselawat dan Maulid Akbar sempena penutup festival turath pada malam 2 Jun. Kumpulan popular Majlis Azzahir dari Pekalongan, Indonesia menjadi tarikan majlis ini



MODEN... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim melawat pameran selepas merasmikan Hari Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) Negara 2024 di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Langat, Banting pada 8 Jun. Facebook Anwar Ibrahim

Elak subsidi kepada warga asing

Jimat RM4 billion, salur untuk rakyat

SHAH ALAM - Penjimatan hasil subsidi diesel bersasar dikembalikan kepada orang ramai termasuk menampung keperluan pengangkutan awam dan Sumbangan Tunai Rahmah (STR), kata perdana menteri.

Mengakui kaedah tersebut bukan langkah popular, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata perolehan RM4 bilion setahun itu dibuat melalui penelitian rapi pelbagai peringkat, lapor Bernama.

"(Penjimatan hasil penyasarannya subsidi) diesel untuk tumpung keperluan pengangkutan awam iaitu pengangkutan rakyat.

"Bayangkan STR untuk sembilan juta orang (penerima) yang (mendapat) subsidi tunai secara langsung, itu RM10 bilion.

"Wang (penyasarannya subsidi) itu bukan untuk naikkan eluan menteri ataupun kepentingan lain, saya tumpukan hal ini (bantuan rakyat)," katanya yang juga menteri kewangan pada 11 Jun.

Berucap dalam majlis perhimpunan warga Kementerian Kewangan di Putrajaya, Anwar menegaskan langkah itu bagi memastikan subsidi tidak diberi kepada kelompok maha kaya dan orang asing.

"Kita kena buat keputusan baik, harus bantu rakyat majoriti. Kita tidak harus beri subsidi kepada golongan maha kaya, industri besar dan orang asing.

"(Ini) bukan diskriminasi kepada orang asing kerana mereka tidak bayar cukai, cukai levi yang (dibayar) sangat kecil. Tanggungjawab pertama kita kepada warganegara kita," katanya.

Beliau memberitahu subsidi tetap diteruskan kepada nelayan dan pekebun kecil supaya nasib mereka terbebas selain memastikan penyasarannya itu bukan alasan untuk menaikkan harga barang.

RM200 juta tingkat kemahiran TVET

SHAH ALAM - Peruntukan RM200 juta disediakan bagi meningkatkan penyertaan belia untuk menceburinya bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), kata perdana menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata dana tambahan yang disalur itu bertujuan menggalakkan institusi TVET memperkasa program latihan seiring keperluan semasa pihak industri.

Beliau mahu bidang berkaitan industri berimpak tinggi termasuk kenderaan elektrik, teknologi ele-

trik, mekanisasi ladang serta automasi pertanian dan perladangan diberi nilai tambah.

"Ini memberi peluang kepada institusi TVET mewujudkan lebih banyak segmen kepada masyarakat orang kurang upaya, Orang Asli serta orang asal di Sabah dan Sarawak," katanya.

Beliau merasmikan sambutan Hari TVET Negara 2024 di Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat di Banting pada 8 Jun.

Mengajak institusi TVET membuat anjakan bagi melonjakkan bidang ke-

mahiran itu ke tahap lebih tinggi, Anwar memberitahu peruntukan hampir RM8 bilion antara tertinggi dalam sejarah TVET.

"Antara sebabnya ialah negara memperoleh pelaburan atau FDI tinggi, yang pastinya pelabur memerlukan tenaga kerja mahir bagi pengoperasian syarikat mereka di sini.

"Negara seperti Amerika Syarikat dan Jerman yakin dengan kemahiran pada jurutera Malaysia, untuk itu kita perlu terus perkasa bidang TVET untuk sediakan tenaga kerja mahir," katanya.

12 syarikat saham lonjak keuntungan

SHAH ALAM - Sebanyak 12 syarikat Malaysia disenaraikan dalam 15 saham syarikat yang mencatat prestasi paling baik di Asia Tenggara dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini.

Menteri Ekonomi Rafizi Ramli berkata syarikat itu mencatat keuntungan paling mendadak berdasarkan pemantau ekonomi menunjukkan negara berada di landasan baik, lapor Bernama.

Beliau percaya keadaan tersebut bakal berterusan, malah Malaysia diunjur sebagai negara maju baharu menjelang 2027 atau 2028 hasil kestabilan politik dan tanda-tanda pemulihran ekonomi.

"Mata wang Malaysia juga antara paling baik pada tahun ini dari segi pengukuhan, dengan unjuran ini, negara kita dijangka terus menjadi negara berpotensi di Asia Tenggara," katanya.

Teliti permohonan tambah baik subsidi

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup meneliti permohonan dan rayuan beberapa pihak bagi menambah baik Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Menterinya Datuk Armizan Mohd Ali berkata ada pihak memohon untuk mempertimbang beberapa tambahan jenis kendaraan pengangkutan dalam senarai layak menikmati subsidi diesel.

Beliau memberitahu syor lain ialah meningkatkan kuota asas sedia ada bawah SKDS 1.0 bagi jenis kendaraan pengangkutan awam, lapor Bernama.

"KPDN teliti semua ini dan ia akan diangkat segera untuk pertimbangan Jawatankuasa Kelulusan Subsidi Diesel."

Media elak sentuh isu sensitif

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kebebasan media di negara ini selagi tidak memecah belah perpaduan negara dengan menyentuh isu raja, agama dan kaum.

Beliau menegaskan kerajaan sentiasa mendukung dan mempertahankan hak dalam memberi teguran dan kritikan, malah semangat itu kekal sejak prakemerdekaan negara, lapor Bernama.

"Tiada tindakan diambil atau kawalan terhadap ruang kebebasan wartawan dan media memberi pandangan, teguran dan kritikan."

"Semangat itu kekal, walaupun timbulkan sedikit keresahan kerana ketegasan kita (kerajaan) tangani isu keselamatan, fahaman cauvinisme dan perkauman atau aliran pelampau agama."

"Bukannya singgung soal kaum, raja tapi gunakan isu itu untuk pecah belah, porak-peranda (negara)," katanya dalam program Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI-Petronas 2023 pada 7 Jun.

PRK Sungai Bakap bermula 22 Jun

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan hari pengundian pilihan raya kecil Sungai Bakap, Pulau Pinang berlangsung pada 6 Julai.

Timbalan Pengerusinya Dr Azmi Sharom memberitahu tarikh penamaan calon dan pengundian awal pada 22 Jun dan 2 Julai, lapor Bernama.

Kerusi itu kosong ekoran kematian penyandang Nor Zamri Latiff, 56, pada 24 Mei di Hospital Seberang Jaya akibat keradangan dalam perut. Ia PRK kelapan selepas pilihan raya umum 2022.

Azmi berkata daftar pemilih tambahan bulan April 2024 yang dikemas kini hingga 24 Mei digunakan melibatkan 39,279 pengundi termasuk 57 anggota polis.

Ada sembilan pusat meliputi 65 tempat mengundi dan saluran selain satu tempat undian awal. Pusat penamaan calon dan pusat penjumlahan rasmi undi di Dewan Serbaguna Jawi, Taman Desa Jawi.

96 kes akibat cuaca panas

SHAH ALAM - Kes kumulatif bagi penyakit berkaitan cuaca panas setakat 10 Jun meningkat kepada 96 berbanding 93 kes pada 3 Jun, menurut Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma).

Sebanyak 22 strok haba, kelesuan haba (68) dan kejang haba (6) dilapor. Hanya satu kematian baharu akibat strok haba pada 4 Jun menjadikan bilangan kematian meningkat kepada empat kes.

"Tiada kes yang dirawat di hospital pada masa ini. Semua kes mendapat rawatan dan sembah," kata kenyataan Nadma pada 11 Jun.

Berkaitan status cuaca panas empat daerah di Semenanjung yang mencatat panas tahap berjaga-jaga pada 7 Jun, hanya dua mencatat tahap tersebut sehari kemudian.

Acara menarik Pameran Maha

SHAH ALAM - Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (Maha) pada 11 hingga 22 September menyajikan pameran bersifat interaktif yang menarik penyertaan anak muda.

Program di Taman Expo Pertanian Malaysia (Maeps) di Serdang bertema Menuai Harapan Membina Masa Hadapan itu juga membawa elemen teknologi terkini sektor pertanian, lapor Bernama.

Menurut Ketua Sekretariatnya Zurihami Zakaria, Maha kali ini menampilkan segmen baharu untuk menarik pengunjung iaitu 'Magical at Night and 3D Water Show' serta 'Kid Attraction'.

Menteri pertanian dan keterjaminan makanan Datuk Seri Mohamad Sabu dijadual melancarkan program tersebut pada 10 Jun.

130,000 pesawah dapat RM210

SHAH ALAM - Hampir 130,000 pesawah di Semenanjung Malaysia bakal menerima bantuan tunai RM210 per hektar per musim berikut kenaikan kadar insentif pembajakan naik daripada RM100 kepada RM160 per hektar per musim manakala insentif penanaman pula RM50 per hektar per musim.

Menurut kenyataan pada 11 Jun, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada 27 Mei menaikkan kadar insentif pembajakan selain memperkenal

insentif penuaan, lapor Bernama.

Pengumuman berkenaan juga menyebut kadar sedia ada insentif pembajakan naik daripada RM100 kepada RM160 per hektar per musim manakala insentif penanaman pula RM50 per hektar per musim.

Selain itu, kementerian berkenaan juga memberi jaminan subsidi diesel kepada nelayan terus kekal.

Kementerian Kewangan sebelum

RM200 sebulan terus ke akaun

30,000 terima subsidi tunai diesel

SHAH ALAM - Seramai 30,000 individu merangkumi pemilik kendaraan diesel persendirian serta petani dan pekebun kecil menjadi kumpulan pertama menerima bantuan tunai RM200 sebulan.

Menurut Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, bantuan menerusi Budi Madani Individu dan Budi Agri-Komoditi dimasukkan ke akaun penerima mulai tengah malam 10 Jun.

Katanya, Budi Madani Individu adalah penyasaran subsidi untuk pemilik kendaraan persendirian

manakala Budi Agri-Komoditi kepada petani dan pekebun kecil, kedua-duanya RM200 sebulan.

Beliau memberitahu tiada tarikh tutup untuk kedua-dua inisiatif tersebut dan individu berkelayakan digesa membuat permohonan untuk mendapat manfaat berkenaan.

"Bantuan ini tidak ada tarikh tutup. Oleh itu, saya menyeru kepada mereka yang sememangnya berkelayakan sama ada bagi Budi Individu atau Budi Agri-Komoditi untuk memohon."

"Semakan dan rayuan boleh juga

Nyamuk Wolbachia tangani denggi

SHAH ALAM - Operasi Nyamuk Wolbachia (WMO) yang bertujuan memerangi penularan denggi sejak 2019 berupaya mengurangkan bilangan kes antara 45 hingga 100 peratus membabitkan 19 lokality.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata kadar kematian kes denggi turun daripada 0.63 peratus pada 2000 kepada 0.08 peratus tahun lalu, lapor Bernama.

"Sehingga kini, sebanyak 35 lokality

melaksanakan WMO di seluruh negara," katanya ketika berucap melancarkan Sidang Kemuncak Denggi Asia ke-7 di ibu negara pada 5 Jun.

Beliau memberitahu pelbagai usaha dijalankan pada pelbagai peringkat melibatkan pihak berkepentingan negara, negeri dan daerah demi menangani wabak tersebut.

Lukanisman juga menjelaskan bilangan kes di seluruh dunia meningkat 13 kali ganda dalam tempoh dua

dekad, daripada 500,000 pada 2000 kepada 6.5 juta tahun lepas.

Katanya, kebanyakan peningkatan kes akibat jangkitan dari Malaysia dan negara Asia lain antaranya Thailand, Bangladesh, Vietnam dan Indonesia.

Beliau menambah tahun 2023 mencatat bilangan kes tertinggi secara global, mele过i puncak luar biasa pada 2019 iaitu lebih 6.5 juta kes dan lebih 7,300 kematian seperti dilapor WHO.

Guna kad diskauh Menu Rahmah

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak menggalakkan lebih ramai pengusaha makanan menyediakan Menu Rahmah menerusi kad diskauh khas.

Timbalan Menterinya Fuziah Salleh memberitahu 117 pengusaha makanan mendaftar kad itu sejak diperkenal November tahun lalu termasuk 64 daripadanya peniaga di Kelantan, lapor Bernama.

Katanya, peniaga berpeluang

mendapat potongan harga barang keperluan sehingga 40 peratus meliputi tujuh pasar raya yang menjadi rakan strategik kementerian melalui kad tersebut.

"Kita harap dengan tawaran ini, lebih ramai pengusaha makanan terlibat dengan penyediaan Menu Rahmah agar lebih ramai rakyat mendapat manfaat," katanya di Kota Bharu pada 8 Jun. Mengakui permohonan masih rendah, Fuziah menjelaskan kemen-

terian giat mempromosi kemudahan tersebut kepada peniaga selain mempercepat proses mendapatkan kad berkenaan.

"Sebelum ini, proses mendapatkan kad mengambil masa agak lama dan perlu mengikuti beberapa prosedur termasuk naziran, antara faktor ramai peniaga kurang berminat," katanya.

Beliau yang yakin kaedah baru itu mendapat sambutan peniaga berkata kementerian juga berusaha memperluas penglibatan pasar raya dalam diskauh khas berkenaan.





HEBAHAN... Datuk Bandar Mohamad Zahri Samingon (belakang, tengah) bersama kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mempromosi program Sambutan Ulang Tahun Bandaraya Petaling Jaya ke-18 di pusat beli-belah Sunway Pyramid, Subang Jaya pada 8 Jun. Foto Sekretariat Media Unit Komunikasi Korporat MBPJ

PKNS bangunkan projek SA Sentral

Shah Alam jadi segi tiga emas ekonomi

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Projek SA Sentral yang melibatkan peremajaan beberapa bangunan di sini akan melonjak ibu negeri itu sebagai segi tiga emas yang membawa manfaat ekonomi untuk perniagaan tempatan.

Menurut ketua pegawai eksekutif kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), pelbagai kemudahan awam termasuk perpustakaan, kafe dan tapak niaga turut disediakan.

Dato' Mahmud Abbas memberita-

hu projek tersebut juga diisi elemen budaya, sejarah dan teknologi hijau selain terus memperkuuh status Selangor sebagai pusat ekonomi.

"Shah Alam banyak terkait sejarah dan budaya. Jadi budaya lama seperti joged akan kita bawa. Di SA Sentral, semua akan ada, lebih banyak perkara menarik disediakan," katanya pada 4 Jun.

Beliau menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) MyDeco dengan Malayan Banking Bhd (Maybank) yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perkhidmatan Kewangan Komuniti Syed Ahmad Taufik Albar.

Pada April, Dato' Menteri Besar ber-

kata projek peremajaan mencakupi pusat beli-belah SACC, Plaza Perangsang, Kompleks PKNS dan Menara MRCB mulai akhir tahun membabitkan kos RM2 billion.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, projek secara berperingkat itu dijadual siap antara lapan hingga 10 tahun bagi merancakkan ekonomi setempat, lebih-lebih lagi kawasan itu ibu negeri.

Selangor juga bakal mewujudkan pentadbiran Lembah Klang Raya meliputi empat bandar raya iaitu Shah Alam, Klang, Subang Jaya dan Petaling melalui peruntukan RM2 juta.

RM15,000 untuk Gerobok Rezeki

SHAH ALAM - Program Gerobok Rezeki Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) diadakan bagi membantu golongan berpendapatan rendah, kata Datuk Bandar Shah Alam Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim.

Beliau menjelaskan peruntukan sebanyak RM15,000 disediakan untuk tiga masjid terpilih meliputi zon utara, tengah dan selatan dalam pentadbiran MBSA.

Katanya, program tersebut kesinambungan daripada bantuan semasa

Covid-19 bagi membantu golongan yang terjejas pendapatan selain mendidik masyarakat supaya sentiasa prihatin.

"Kita menyediakan keperluan harian seperti beras, minyak, tepung dan sardin. Pentadbiran masjid akan memantau agihan ini supaya semua yang memerlukan mendapat manfaat."

"Ini sebahagian komitmen MBSA bagi meringankan beban golongan memerlukan," katanya dalam pelancaran program di Masjid Baitul Mahabbah, Seksyen 27 di sini pada 6 Jun.

Beliau berkata pengagihan barang berkenaan tidak terhad kepada umat Islam sebaliknya terbuka kepada masyarakat setempat pelbagai kaum.

"Untuk permulaan, MBSA menyediakan barang keperluan asas tetapi pada masa depan, kita sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak swasta," katanya.

MBSA turut menyumbang RM3,000 kepada jawatankuasa Masjid Baitul Mahabbah untuk menjayakan kerja naik taraf demi keselesaan jemaah.

Khidmat percuma ulang tahun MBPJ

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memberi pelbagai perkhidmatan percuma sempena sambutan ulang tahun perisytiharan bandar raya berkenaan yang ke-18 pada 20 Jun.

Menurut Unit Komunikasi Korporatnya, perkhidmatan itu antaranya parkir kenderaan di seluruh Petaling Jaya, penggunaan kemudahan sukan seperti kolam renang, padang dan gelanggang.

Mengikut kenyataan itu, kemudahan lain antaranya pemberian 1,000 anak pokok, pemberian racun jentik-jentik, keahlian perpustakaan setahun kepada 500 orang dan diskau tong sampah beroda.

MBPJ juga mengajak orang ramai untuk memeriahkan pelbagai acara yang dijadual berlangsung khususnya hari kemuncak sambutan ulang tahun di Laman MBPJ, Jalan Yong Shook Lin pada 29 Jun.

Maklumat lanjut acara tersebut boleh diperoleh menerusi laman sesawang dan media sosial rasmi MBPJ.

Pantas tangani aduan rakyat

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan meningkatkan mutu perkhidmatan termasuk memberi maklum balas segera aduan penduduk sama ada isu kecil atau besar.

Datuk Bandar Shah Alam Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim menambah MBSA juga bercadang untuk menceriakan bandar raya melalui acara kesenian terutama pada waktu malam pada hujung minggu.

"Kakitangan MBSA perlu menanamkan sikap untuk bertindak segera dalam memastikan perkhidmatan kepada masyarakat dapat selesai dengan berkesan."

"Kita juga mahu memeriahkan lagi bandar raya ini dengan pelbagai aktiviti bermanfaat seperti program berbentuk kesenian terutama ketika pada waktu malam hujung minggu," katanya pada 6 Jun.

Jom santai berkelah bersama MBDK

SHAH ALAM - Orang ramai dipelawa menyertai program Jom Berkelah Bersama Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) pada 23 Jun.

Diadakan di Mangrove Point, Pelabuhan Klang, program bermula jam 7 pagi hingga 1 tengah hari itu menawarkan pelbagai aktiviti menarik.

Kemasukan adalah percuma dan pengunjung digalakkan memakai pakaian berkoncep hijau.

"Jom semua bersantai dan berkelah dengan keluarga anda bersama MBDK pada 23 Jun ini. Pelbagai acara dan pertandingan dianjurkan," tulis MBDK.

Antara pertandingan yang dianjur adalah menghias tempat berkelah, hiasan terrarium, reka cipta pakaian daripada bahan kitar semula dan mewarna.

Mohon tajaan program huffaz

SHAH ALAM - Pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 dipelawa memohon tajaan pendidikan program huffaz profesional universiti dalam negara.

Program Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) boleh dimohon sehingga 18 Ogos.

"Tajaan ini terbuka kepada pelajar lepasan SPM dari Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) milik penuh Kerajaan Negeri.

"Permohonan tajaan adalah bagi pengajian Ijazah Sarjana Muda di universiti terpilih dalam Selangor dengan bidang pengajian tertentu," maklum Jais menerusi Facebook.

Syarat kelayakan dan permohonan laman sesawang pendidikan.jais.gov.my/huffazprofesional atau hubungi talian 03-5514 3400 serta WhatsApp 010-343 7054.

Peluang menang pakej umrah

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menawarkan hadiah pakej umrah tajaan penuh kepada pembayar zakat menerusi potongan gaji dan bayaran terus.

Menurut agensi zakat negeri tersebut, kempen Auto Zakat Bulanan itu bermula 1 Januari hingga 31 Disember 2024 melalui dua cabutan pada Ogos dan akhir Januari 2025.

"Bagi kategori skim potongan gaji, kempen ini terbuka kepada individu yang baharu membuat caruman dan yang ingin menambah caruman."

"Bagi bayaran terus, ia terbuka kepada semua individu dan syarikat sama ada pembayaran zakat atas pendapatan atau perniagaan," kata kenyataan di Facebook pada 6 Jun.

Serah RM19,000 wakaf tunai

SHAH ALAM - Seorang wanita mewakaf wang tunai RM19,000 kepada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) untuk diniatkan kepada ahli keluarganya yang meninggal dunia.

Norlela Kamaluddin hadir ke pejabat PWS baru-baru ini ditemani suami bagi menyerahkan wakaf berkenaan kepada Pengurus Bahagian Korporat PWS Muhammad Hafiz Bahari.

"Semoga ibadah wakaf yang dilaksanakan menjadikan jariah pahala yang berpanjangan sehingga yaumulakhirah," katanya di Facebook pada 5 Jun.

PWS turut menyeru orang ramai berwakaf tunai dalam talian melalui pautan fpw.wakafselangor.gov.my atau ifaqpay.my/go/wakafselangor

Merujuk statistik di laman sesawang PWS, RM443.39 juta wakaf tunai dikutip pada 2022, meningkat RM65.05 juta berbanding tahun sebelumnya.

Mangsa terharu terima sumbangan

SHAH ALAM - Sumbangan wang tunai dihulur kepada keluarga mangsa kebakaran di Bandar Nusa Rhu di sini bagi meringankan beban mereka, kata EXCO Belia Najwan Halimi.

Beliau memberitahu api yang diperdayai berpunca akibat kebakaran kereta sebelum merebak ke rumah mengakibatkan hampir 80 peratus premis tersebut hangus pada jam 12.25 tengah malam.

"Syukur kejadian ini tidak melibat-

kan kehilangan nyawa. Kerajaan Negeri ucapkan takziah dan serahkan sedikit sumbangan untuk ringankan beban," kata wakil rakyat Kota Anggerik itu.

Najwan menyampaikan bantuan itu kepada wakil keluarga Suhaidi Hamzah, 62, pada 6 Jun. Hadir sama, Ketua Operasi Agihan Lembaga Zakat Selangor (LZS) Petaling Mohammad Sharil Ritin.

LZS turut menghulur sumbangan awal RM300 bagi membantu meri-

ngangkan beban mangsa sebelum disusuli bantuan lain daripada agensi berkecimpung.

Mengakui keluarganya masih terkejut dengan kejadian itu, Suhaidi berkata beliau bersama isteri, ibu mentua, empat anak, menantu dan seorang cucu sedang tidur ketika kejadian.

"Saya terharu dengan bantuan yang diserahkan. Saya sangat berterima kasih, ini dapat membantu kami sekeluarga," katanya yang kini tinggal di kediaman keduanya di Jeram, Kuala Selangor.



Permohonan hingga 24 Ogos

MBI agih RM3 juta insentif haji

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

SABAK BERNAM - Peruntukan RM3 juta untuk Insentif Haji Muassasah kepada 3,000 jemaah selesai diagih, kata ketua tanggungjawab sosial dan komunikasi korporat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).

Ahmad Azri Zainal Nor memberitahu setiap jemaah menerima wang tunai RM1,000, meningkat RM500 berbanding sebelum ini selain menerima kit penjagaan diri.

"Tahun ini, kita peruntuk bantuan ke-

pada 6,000 jemaah dan separuh sudah menerima. Permohonan menggalakkan disebabkan sebaran meluas selain peningkatan nilai bantuan.

"Permohonan dibuka sehingga 24 Ogos. Jemaah yang sudah pergi (ke Makkah) juga boleh memohon dengan pergi ke pusat khidmat Dewan Undangan Negeri masing-masing," katanya pada 7 Jun.

Tahun ini, Kerajaan Negeri memperuntuk RM6 juta bagi menjayakan skim tersebut, meningkat tiga kali ganda berbanding insentif tahun lalu iaitu RM1.5 juta.

Sebanyak RM1.2 juta pula dise-

diakan untuk membayai kos perjalanan 36 jemaah dari kalangan berpendapatan rendah menunaikan haji secara percuma.

Selain itu, Ahmad Azri menggalakkan orang ramai memohon Skim Insurans Am Selangor (INSAN) Takaful yang memberi perlindungan selama setahun berikut kuota masih ada.

INSAN diperkenal pada 2022 memberi perlindungan sehingga RM10,000 bagi kes hilang upaya kekal dan kematian disebabkan kemalangan dengan kos premium ditanggung sepenuhnya Kerajaan Negeri.

MPKS dapat anugerah inisiatif hijau

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) menerima Anugerah Kehormat pembangunan semula pekan lama Kuala Selangor dalam Anugerah Seni Bina Lanskap Malaysia 2024, baru-baru ini.

Pihak berkuasa tempatan itu menerusi Facebook memaklumkan, kemenangan menerusi kategori Inisiatif Hijau diterima Pengarah Jabatan Lanskap MPKS Norazean Abdul Rahman di sebuah hotel di Kuala Lumpur.

"Proses rejuvenasi pekan lama Kuala Selangor bermula melalui penubuhan pasukan khas bagi mengenal pasti ruang dan penambahbaikan pekan lama Kuala Selangor selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan," katanya.

Menurut MPKS, proses transformasi Pekan Lama Kuala Selangor bermula sejak 2019 dengan pembangunan semula Dataran Malawati yang kini merupakan mercu tanda baharu daerah berkenaan.

Dataran Malawati yang sebelum ini dikenali sebagai Padang Kemerdekaan dinaik taraf bertujuan meningkatkan kualiti kemudahan awam dan infrastruktur perbandaran selain sebagai kawasan tumpuan pelancong.

MPKS turut mewujudkan Laluan Seni Pekan Lama yang dipenuhi 15 jenis seni mural bertemakan warisan di dinding bangunan lama selain batu bata berwarna-warni sebagai tapak perjalanan kaki.

Kerjasama promosi di China

SHAH ALAM - Tourism Selangor memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama Acmar Marketing bagi meneroka potensi pasaran di negara itu dengan lebih luas.

Menurut kenyataan, kerjasama dengan syarikat pemaju berpangkalan di Xiamen, China itu dijangka membuka jalan kepada inisiatif promosi

silang termasuk peluang program perniagaan.

Pemeteraian itu diadakan dalam lawatan sempena 19th Strait Travel Fair and 9th China (Xiamen) International Leisure Tourism Expo diketuai EXCO Pelancongan Dato' Ng Suee Lim pada Mei.

"Selangor mempergat strategi promosi dengan mengadakan misi jualan

bersasar di Xiamen, China dan memeterai MoU dengan Acmar Marketing," kata kenyataan pada 5 Jun.

Suee Lim berkata Kerajaan Negeri mengalau-alukan kerjasama agensi antarabangsa dan ejen pelancongan bagi meningkatkan peluang perniagaan menjelang Tahun Melawat Selangor 2025.



Pasukan MBSJ FC meraikan kejayaan menjuarai Liga Super Wanita 2024 menewaskan UiTM United Lioness di Arena MBSJ, Subang Jaya pada 9 Jun. Foto FIKRI YUSOF

SA United julang Piala Konfederasi

MBSJ FC pertahan juara liga wanita

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

SUBANG JAYA - MBSJ FC mempertahankan kejuaraan Liga Super Wanita FAS 2024 selepas menewaskan UiTM United Lioness 3-0 dalam perlawanan akhir di Arena MBSJ di sini pada 9 Jun.

Semua gol MBSJ FC dijaringkan pada babak pertama menerusi Lee Xin Yi pada minit ke-25, diikuti jaringan Waitie Taming (32) dan Intan Sarah (34).

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan mencemar duli menyaksikan perlawanan dan menyempurnakan majlis penyampaian trofi dan hadiah.

MBSJ FC membawa pulang wang tunai RM10,000 berserta piala manakala UiTM United Lioness menerima wang tunai

RM7,000 serta pingat.

Jurulatih MBSJ FC berkata kejayaan pasukannya mempertahankan kejuaraan hasil komitmen tinggi yang ditunjukkan pemain sepanjang kejohanan.

Mohd Fairuz Mohd Noor turut menyarkan pasukannya mewakili Selangor menyertai kejohanan Piala Tun Sharifah Rodziah (TSR) musim ini.

"Perasaan yang tidak dapat digambarkan dapat kekalkan kejuaraan, saya bangga dengan pemain yang beri komitmen hingga 150 peratus."

"Seterusnya saya berharap impian untuk beraksi di TSR jadi kenyataan memandangkan perbincangan dengan pengurusan untuk sertai kejohanan positif," katanya selepas perlawanan.

Ketua pasukan Steffi Sarge Kaur bangga mengemudi MBSJ FC sehing-

ga bergelar juara buat dua musim berturut-turut.

"Kami berhak juara dengan menguasai sepanjang permainan. Tiga kunci kejayaan adalah kerjasama pasukan, disiplin dan komitmen pemain hingga 200 peratus," katanya.

Terdahulu, SA United menjuarai Piala Konfederasi 2024 menewaskan Real CJ 1-0 menerusi jaringan tunggal Nursyaza Nadzirah seawal minit keempat.

Berikut adalah senarai penerima anugerah kejohanan:

- Anugerah Kasut Emas – Intan Sarah: 19 gol (MBSJ FC)
- Anugerah Pemain Paling Bernilai – Intan Sarah (MBSJ FC)
- Anugerah Pejaga Gol Terbaik – Amyra Fariesha: 5 clean sheets (SSS Leopold)

Pan Gon mahu kekal latih Malaysia

SHAH ALAM - Ketua jurulatih pasukan kebangsaan Kim Pan Gon berhasrat untuk terus mengemudi Harimau Malaya walaupun skuad negara terlepas peluang untuk layak ke pusingan ketiga kelayakan Piala Dunia 2026.

Pengendali warga Korea Selatan itu berkata beliau mahu kekal bersama pasukan kebangsaan sehingga Piala Asia 2027 walaupun kontraknya tamat awal tahun depan, lapor Bernama.

Bagaimanapun, bekas pengarah pasukan Persatuan Bola Sepak Korea (KFA) berusia 55 tahun itu akan menyerahkan

keputusan mengenai nasibnya kepada Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM).

"Mengenai kontrak saya harus kekal di sini dan saya tidak pernah meminta untuk meninggalkan pasukan. Sebaliknya jika dipaksa keluar, saya akur... saya sentiasa berusaha di sini tetapi dari semasa ke semasa saya letih, sangat letih tetapi akhirnya berdiam diri dan berjuang."

"Tetapi ini (kekalan atau pergi) bukan keputusan saya dan semua bergantung kepada FAM, media, peminat dan kelab," katanya.

Pan Gon berkata demikian ketika ditanya mengenai masa depannya dalam sidang media selepas Malaysia menewaskan Taiwan 3-1 dalam perlawanan terakhir Kumpulan D pusingan kedua Piala Dunia 2026/Piala Asia 2027 di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 11 Jun.

Harapan Malaysia untuk melangkah lebih jauh dalam kempen kelayakan Piala Dunia 2026 berakhir walaupun menang berikutan keputusan seri 1-1 yang dicatat Kyrgyzstan ketika menentang Oman.

Persiapan atlet SUKMA lancar

SHAH ALAM - Kontinen Selangor kini dalam keadaan 85 peratus bersedia bagi menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-21 di Sarawak pada bulan hadapan.

EXCO Sukan Najwan Halimi berkata kontinen negeri dalam proses memuktamadkan senarai atlet berkelayakan selain melipat gandakan usaha dan latihan secara intensif.

"Kita dalam keadaan cukup bersedia. Sekarang sudah 85 peratus persediaan. Kita juga sudah turun ke Sarawak untuk lihat persiapan logistik di sana."

"Dalam masa yang sama kita juga dalam proses muktamadkan senarai atlet dan melipat ganda usaha dengan latihan selain sasar kedudukan tiga teratas," katanya 6 Jun.

Skuasy berpasukan campuran rai emas

SHAH ALAM - Pemain skuasy negara Sanjay Jeeva dan K Sehveettra memamerkan prestasi cemerlang membantu Malaysia meraih pingat emas acara berpasukan campuran selepas menewaskan Filipina 2-0 dalam Kejohanan Piala SEA.

Sanjay memberikan mata pertama negara menewaskan David Pelino diikuti kemenangan Sehveettra ke atas Jemyca Aribado di Kompleks Sukan Memorial Rizal, Manila, lapor Bernama.

"Saya mengalami sedikit tekanan dan terpaksa memberikan beberapa mata mudah yang membantu Jemyca untuk mengejar tetapi saya berjaya mengatasinya dan menang dalam 'straight' set."

"Semua pemain negara melakukan yang terbaik dan tiada siapa yang memamerkan prestasi buruk dalam mana-mana perlawanan (menuju ke final)," kata Sehveettra pada 9 Jun.

Wei Chong-Kai Wun dipuji konsisten

SHAH ALAM - Pengarah kejurulatihan Akademi Badminton Malaysia (ABM) memuji tahap konsisten dipamerkan beregu lelaki negara Man Wei Chong-Tee Kai Wun pada sepanjang Terbuka Indonesia.

Rexy Mainaky berkata perkembangan gandingan ke-20 dunia itu boleh dianggap sebagai satu pencapaian positif buat mereka yang sebelum ini sering terkandas di pusingan pertama lima penyertaan di Super 1000 sejak 2022.

"Apapun, mereka masih perlu melihat peluang yang ada di depan mata untuk mengambil keputusan sepatutnya bagi mengatasi lawan. Harap di masa hadapan, mereka tetap terus konsisten dan fokus kepada karier untuk lebih baik dan harus bersiap menjadi pemain dalam kelompok kelas utama," katanya seperti dilapor Berita Harian.

Wei Chong-Kai Wun menamatkan kejohanan bertaraf Super 1000 itu selaku naib juara selepas tewas kepada beregu nombor dua dunia dari China, Liang Wei Keng-Wang Chang 21-19, 16-21, 12-21.

**MOHD KAMRI KAMARUDDIN**
Bukit Antarabangsa

bergotong-royong membersihkan tanah perkuburan di Ukay Perdana, Ampang Jaya

**DATUK RIZAM ISMAIL**
Sungai Air Tawar

bertemu penduduk kematian ahli keluarga di DUN beliau

**ANFAAL SAARI**
Taman Templer

menziarahi penduduk ditimpa kemalangan di DUN beliau

**LEONG TUCK CHEE**
Pandamaran

meninjau kerja pemberian jalan di Persiaran Raja Muda Musa, Klang

**CHUA WEI KIAT**
Rawang

menyampaikan sumbangan bantuan Kembali ke Sekolah di DUN beliau

**DANIAL AL-RASHID**
Batu Tiga

melawat program kesihatan pergigian di Kampung Padang Jawa, Shah Alam

**LWI KIAN KEONG**
Sungai Pelek

menyertai pertandingan membuat ketupat Cina di DUN beliau

**MUHAMMAD IZUAN KASIM**
Kota Damansara

bertemu penduduk sempena ziarah medik di Shah Alam

Pantau kawasan risiko banjir kilat

SHAH ALAM - Kawasan banjir sekitar Dewan Undangan Negeri Pelabuhan Klang sentiasa dipantau bagi memastikan bantuan segera disalur kepada penduduk jika bencana berkenaan melanda.

Wakil rakyatnya Azmizam Zaman Huri berkata pihaknya tidak menerima laporan banjir kilat ekoran fenomena air pasang besar yang diramal berlaku di stesen Pelabuhan Klang baru-baru ini.



Katanya, kawasan tumpuan antaranya Kampung Telok Gong, Kampung Pulau Indah, Taman Teluk Gedung Indah, Taman Selat Selatan, Taman Selat Damai dan sebahagian Pandamaran Jaya.

"Ini antara kawasan tepi laut dan kebarangkalian untuk banjir jika air pasang besar tinggi, lebih-lebih lagi jika bertembung dengan hujan lebat.

"Ketika air pasang besar, pintu kunci air ditutup bagi mengelak air laut

melimpah ke darat. Jika hujan terlalu lebat, air tidak mengalir ke laut risiko banjir tinggi," katanya pada 6 Jun.

Beliau berkata penduduk juga dinisihat memantau saliran dan longkang sekitar kediaman masing-masing bagi memastikan tiada halangan air yang boleh menyebabkan risiko bah.

"Mereka yang membuat pengubahsuaian rumah juga perlu memastikan sisa binaan terutama pasir dibuang ke tempat betul kerana ia juga boleh menyebabkan longkang tersumbat," katanya.

Bantuan untuk enam bulan

Serah RM300 barang asas

Oleh SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Seramai 30 keluarga di Dewan Undangan Negeri Sekinchan menerima bantuan bulanan barang keperluan asas bernilai RM300 bagi meringankan perbelanjaan isi rumah mereka.

Wakil rakyatnya Ng Suee Lim berkata pemberian selama enam bulan berturut-turut itu tidak termasuk Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BING-KAS), juga bernilai RM300 sebulan.

"Ini antara usaha kami untuk meringankan beban perbelanjaan keluarga berpendapatan rendah. Setiap penerima diberi barang keperluan asas dari syarikat ISP Group itu selama enam bulan.

"Kemudian DUN pilih keluarga lain pula yang kurang berkemampuan. Kita buat penilaian dari semasa ke semasa bagi memastikan hanya yang benar-benar layak terima manfaat," katanya pada 8 Jun.

Beliau menegaskan pentadbiran



negeri sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk meringankan beban rakyat dengan melaksanakan pelbagai program kebajikan untuk semua golongan.

Dalam perkembangan lain, Suee Lim berkata 20 kambing dan enam lembu diagih kepada ahli majlis dan ketua kampung untuk diserahkan kepada pengursuran masjid dan surau sekitar Sekinchan.

Atasi masalah pembentungan limpahan

SHAH ALAM - Kejadian limpahan air ke jalan raya yang berpunca dari aliran sungai yang deras hingga menjelaskan 16 unit rumah di Taman Desa Melor, Hulu Selangor segera diatasi.

Menurut penyelaras Dewan Undangan Negeri Batang Kali, pihaknya akan menyediakan jentera pengorek bagi membersihkan pembentungan longkang yang tersumbat.



Saifuddin Shafi Muhammad berkata pihaknya bersama Penghulu Mukim Serendah, Persatuan Penduduk Taman Desa Melor dan Penguatkuasa Pejabat Daerah Tanah Hulu Selangor meninjau sejurus menerima aduan pada 10 Jun.

"Selepas membuat penelitian bersama, aliran air Sungai Durian yang deras menjadi punca aliran air kuat meny-

babkan air melimpah ke jalan raya.

"Selain itu, pembentungan longkang tersumbat juga tidak dapat menampung aliran air yang kuat ketika hujan lebat," katanya yang turut memaklumkan kerja pembersihan akan dilakukan sebaik mencapai persetujuan penduduk.

Menurut Saifuddin, keadaan air melimpah itu berpunca daripada anak sungai berdekatan projek Laluan Rel Pantai Timur.



dapat mengurangkan beban ibu bapa," katanya.

Tahun ini, MBI berbelanja RM1.7 juta untuk membantu 16,800 pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan membeli keperluan sekolah.

Sepanjang tahun lalu, anak syarikat negeri itu memperuntuk lebih RM10 juta bagi memperkasa sektor pendidikan merangkumi Program Tuisyen Rakyat Selangor, bantuan sekolah dan sumbangan prasarana.

16,000 pelajar terima bantuan sekolah

SABAK BERNAM - Lebih 90 peratus daripada 16,800 pelajar dari keluarga berpendapatan rendah menerima bantuan persekolahan daripada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI sejak Mac.

Sumbangan bernilai RM100 setiap seorang melalui program Kembali ke Sekolah meringankan beban mereka yang memerlukan, kata ketua tanggungjawab sosial dan komunikasi korporatnya.

"Hanya tinggal satu atau dua Dewan Undangan Negeri (DUN) yang belum

serahkan (bantuan) kepada penerima. Kita jangka agihan selesai dalam masa terdekat," kata Ahmad Azri Zainal Nor.

Ditemui pada majlis serahan kepada 300 pelajar DUN Sabak pada 7 Jun, beliau berkata senarai penerima dikenal pasti pejabat DUN dan dinilai MBI untuk memastikan mereka benar-benar layak.

"(Agihan) merupakan peruntukan tahun ini, namun serahan hanya dapat dilakukan hari ini. Semoga bantuan

RM20,000 tingkat kemudahan surau

SHAH ALAM - Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Bangi baru-baru ini menghulur sumbangan RM20,000 kepada Surau Nurul Falah Taman Sinaran, Kajang bagi menambah baik kemudahan sedia ada.

Wakil rakyatnya berkata bantuan menerusi Projek Mesra Rakyat Parlimen Bangi digunakan untuk memasang pendingin hawa, kamera litar tertutup, televisyen dan kipas demi keselesaan jemaah.

"Saya sebenarnya kerap berkunjung ke surau ini dan kawasan rukun tetangga Taman Sinaran ini memang aktif bekerjasama dengan pihak surau.

"Apabila kami dimaklum ada keperluan kita teragak-agak untuk memberi sumbangan daripada Pejabat Parlimen Bangi untuk membantu," kata Syahredzan Johan menerusi rakaman di Facebook.

Setiap wakil rakyat menerima peruntukan RM2 juta daripada kerajaan persekutuan bagi melaksanakan Projek Mesra Rakyat.

Agih 14 ternakan sempena Aidiladha

SHAH ALAM - Sebanyak 15 masjid dan surau di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pandamaran menerima tambahan sumbangan lembu dan kambing korban menjelang sambutan Aidiladha pada 17 Jun.

Menjelaskan Kerajaan Negeri mempruntuk empat lembu dan 10 kambing untuk setiap DUN, wakil rakyatnya Tony Leong Tuck Chee memberitahu pihaknya menambah bilangan ternakan korban.

"Mengambil kira keperluan serta saiz kambing agak kecil, DUN Pandamaran menyediakan peruntukan tambahan hambar RM15,000 untuk membeli kambing dan diagih kepada surau.

"Secara keseluruhan, sempena Aidiladha ini setiap masjid akan menerima seekor lembu manakala surau pula dua ekor kambing," kata beliau pada 10 Jun.

Insentif untuk pelajar cemerlang

SHAH ALAM - Pelajar cemerlang Sijil Pengajaran Malaysia (SPM) 2023 sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Baharu ditawarkan insentif wang tunai bagi meraih kecemerlangan mereka.

Wakil rakyatnya Pang Sock Tao memberitahu permohonan sehingga 20 Jun itu terbuka kepada pelajar yang memperoleh keputusan sekurang-kurangnya 5A.

"Syarat kelayakan termasuklah salah seorang ibu atau bapa pengundi DUN Kuala Kubu Baharu," katanya di Facebook.

Mereka boleh mendaftar melalui pautan docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScdxk-79e9Dgzt6NuE3I-YpQ7UgW-JDGCO-YbBeBNait6aaFOw/viewform?usp=sf_link dengan memuat naik sijil kelahiran dan slip keputusan SPM.



Perutusan Aidiladha 1445 Hijrah

Umat bertakwa, berilmu

Saya bersyukur kita dapat bersama-sama melalui detik penuh bermakna dan berkesempatan mengutuskan warkah dari tanah suci sewaktu melaksanakan ibadat haji pada tahun 2024/1445.

Kita mengenang kisah pengorbanan Nabi Ibrahim A.S, Nabi Ismail A.S, dan Siti Hajar. Peristiwa korban Habil dan Qabil turut dikenang.


Kesemua kisah ini membawa makna dan erti pengorbanan yang mensyaratkan ketakwaan. Tanpa adanya ketakwaan untuk mengisi pengorbanan, boleh dikatakan tindakan kita untuk berkorban tidak sempurna sepenuhnya.

Allah menyebut beberapa sifat orang bertakwa, antaranya yang disebut dalam al-Baqarah, ayat 177, ialah "seseorang yang mendermakan harta yang disayanginya kepada sanak saudara, anak-anak yatim, orang miskin, orang yang terputus belanja ketika dalam perjalanan mengerjakan sesuatu yang murni."

Ini merupakan nilai universal yang cukup penting buat manusia dan kemanusiaan.

Seperti kisah agung pengorbanan Nabi Ibrahim A.S serta anakandanya Nabi Ismail A.S bermula dengan berita 'buruk' tentang arahan penyembelihan sebelum akhirnya mendapat rahmat dan maghfirah daripada Tuhan, begitu juga yang telah kita lakukan secara satu masyarakat yang bersama dalam berjaya keluar dari episod negeri Covid-19 dan kini tangkas mencapai pemulihian.

Dengan tekad ingin mengangkat martabat komuniti dan membina masyarakat yang yakin dengan



diri serta dipenuhi ilmu, itu yang mempunyai hasrat Kerajaan Negeri dalam mendepankan usaha seperti Festival Turath Islami 2024 yang baru berlangsung bagi meraikan kekayaan karya Islam yang bertujuan membangun masyarakat yang berwawasan, berakhlaq, serta berkaliber.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh komuniti umat Islam di negeri Selangor.

Semoga kita semua dikurniakan keyakinan dan kebolehan untuk berjaya di negara yang kita cintai ini sambil menggecapi peluang untuk terus melakukan kebaikan dan pengorbanan dengan cara masing-masing demi mencapai penyempurnaan pengabdian kita kepada Allah Azza Wa Jalla.

Dato' Seri Amirudin Shari
Dato' Menteri Besar

MB tiba di Makkah, tunai ibadat haji

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berangkat ke Arab Saudi pada 8 Jun bagi menuaikan ibadah haji di tanah suci Makkah.

Beliau bersama isteri Datin Seri Masdiana Muhamad dan anak-anak turut menyatakan penghargaan kepada umat Islam yang menitipkan doa kepada mereka.

"Saya mohon doa agar urusan saya dan isteri sepanjang permusafiran kami dipermudahkan Allah SWT dan diterima segala amal ibadah kami," katanya di Facebook pada 9 Jun.

Menurut Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Tawfiq al-Rabiah, seramai 1.2 juta jemaah dari pelbagai negara berada di Arab Saudi untuk menuaikan Rukun Islam kelima pada tahun ini.

Berdasarkan agensi berita rasmi Saudi Press yang dipetik AFP, Hari Arafah bermula 15 Jun pada tahun ini diikuti hari raya Aidiladha keesokan harinya.

Harga barang JER lebih rendah

Enam lokasi jualan murah Aidiladha

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

HULU LANGAT - Jualan Ehsan Rahmah (JER) mega sempena Aidiladha diadakan meliputi enam lokasi bagi memudahkan umat Islam menyambut perayaan tersebut, kata EXCO pertanian.

Ir Izham Hashim memberitahu program itu diadakan pada 15 Jun melibatkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua, Kuala Kubu Bharu dan Pelabuhan Klang antara 8 pagi hingga 12 tengah hari.

Beliau menambah jualan kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) itu diteruskan pada

keesokannya meliputi DUN Pandan Indah, Tanjung Sepat dan Dusun Tua.

"Setiap kali menjelang perayaan, Kerajaan Negeri akan adakan jualan mega. Ini memudahkan penduduk mendapat keperluan pada harga lebih murah dari pasaran.

"Jualan ini berskala lebih besar. Kita tambah kuantiti produk, contohnya 1,000 ayam dijual setiap tempat," katanya pada 9 Jun.

Sempena sambutan Aidilfitri pada April lalu, Kerajaan Negeri menganjur jualan mega meliputi 18 lokasi bagi memudahkan golongan berpendapatan rendah berbelanja keperluan raya.

Lima barang utama iaitu ayam,

daging, telur, minyak masak dan beras dijual pada harga bersubsidi melibatkan peruntukan RM296,439.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 setiap pek), telur gred B (RM10 seapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM13).

Sepanjang tahun ini, JER diadakan meliputi lebih 1,800 lokasi tidak termasuk program jualan murah di beberapa cawangan pasar raya Segi Fresh pada hujung minggu.

Lokasi boleh disemak di Facebook PKPS, imbas kod QR di poster jualan atau pautan linktr.ee/myPKPS